

R

PENIPUAN KAD KREDIT DAN IMPLIKASI TERHADAP SISTEM PERUNDANGAN DAN EKONOMI MALAYSIA

CHANDRAN RAMASAMY

Perpustakaan Universiti Malaya



A514385256

KERTAS PROJEK YANG DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI SARJANA PENGADILAN JENAYAH
2009/2010

Perpustakaan Undang-Undang

ABSTRAK

Fakta bahawa kemajuan teknologi memudahkan penjenayah untuk melakukan penipuan kad kredit ternyata benar. Sudah bertahun-tahun, jumlah penipuan kad kredit meningkat dengan kadar yang cepat. Ini menyebabkan jatuhnya ekonomi sesebuah negara secara keseluruhan yang membawa persepsi negatif terhadap keseluruhan pentadbiran Jabatan Polis dan Agensi agensi perbankan. Tanpa mekanisme kawalan yang betul, kemungkinan agak sukar untuk melawan dan menangani masalah sosial ini. Undang-undang Negara yang berkaitan dengan penipuan kad kredit perlu dikaji sekali lagi dan penguatkuasaan undang-undang untuk pihak bank yang memberikan dan menawarkan kad kredit perlu diberi amaran tentang isu perlindungan data yang kian penting. Selain itu, dengan adanya Undang-Undang baru seperti Akta Perlindungan Datayang telah diluluskan oleh Parlimen pada bulan April 2010, bank-bank adalah berkemungkinan bertanggungjawab sekiranya data-data pelanggan diberikan kepada pihak ketiga ataupun diketahui umum. Penelitian dalam kertas Projek ini akan memperjelaskan bagaimana penipuan kad kredit terjadi di Malaysia dan kesannya kepada ekonomi serta implikasi kepada masyarakat dan pengguna kad kredit. Temubual akan dilakukan dengan mangsa penipuan kad kredit, agensi bank yang mengeluarkan kad kredit dan Jabatan Polis untuk memahami kesan penipuan kad kredit dan pengaruhnya terhadap ekonomi Malaysia

Ditulis oleh: *[Nama Penulis]*

Ucapan terima kasih juga saya sampaikan kepada keluarga saya, utamanya isteri dan anak-anak saya kerana telah menjadi inspirasi dan membekalkan sokongan moral dalam penyediaan dan penulisan kertas projek ini. Saya juga menghargai bimbingan dan petunjuk rakan-rakan saya kepada semua pihak yang terlibat dalam Projek ini. Akhirnya, saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam Projek ini, khususnya Jabatan Universiti Malaysia dan merindukan masa-masa yang telah berlalu yang telah berlalu sepanjang masa yang telah berlalu.

PENGHARGAAN

Setinggi – tinggi penghargaan saya tujukan kepada penyelia kertas projek ini iaitu Profesor Madya Dr. Johan Shamsuddin bin Haji Sabaruddin yang telah memberikan panduan dan bimbingan yang tidak ternilai bagi penyiapan kertas projek ini.

Penghargaan juga saya tujukan kepada Profesor Madya Talat Mahmood bin Abd. Rashid kerana dipilih untuk mejadi pemeriksa Kertas Projek ini. Saya juga ingin merakamkan setinggi tinggi penghargaan kepada Jabatan Siasatan Komersil, Bukit Aman serta rakan rakan kelas Sarjana Pengadilan Jenayah. Mereka telah banyak menyumbangkan pendapat serta bahan bahan rujukan yang manjadi sebahagian besar daripada bahan kajian kertas Projek ini.

Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada keluarga saya terutamanya isteri dan anak anak saya kerana telah menjadi inspirasi dan memberikan sokongan moral dalam penyediaan dan penulisan kertas projek ini. Saya juga terhutang budi dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Pensyarah – Pensyarah Sarjana Pengadilan Jenayah Universiti Malaya dan memohon maaf sekiranya terdapat kesalahan yang telah dilakukan sepanjang masa saya meneruskan Sarjana saya.

BAB 1 - Pengenalan

1.0	Pendahuluan	1
1.1	Statistik Jenayah Kad Kredit dan Tangkapan dari 2005 – 2009	2
1.2	Skop Kajian	4
1.3	Tujuan Kajian	4
1.4	Permasalahan Kajian	5
1.5	Objektif Kajian	6
1.6	Persoalan Kajian	6
1.7	Metodologi Kajian	7
1.8	Batasan Kajian	9
1.9	Signifikasi Kajian	10
1.10	Kesan Kajian	11
1.11	Tinjauan Sastera (Literature) secara ringkas	11
1.12	Takrifan Istilah	15

BAB 2 – Frod kad kredit dan kesan ekonomi kepada Malaysia

2.1	Frod Kad Kredit di Malaysia	17
2.1.1	Lewat tahun 1990 an	18
2.1.2	Selepas Tahun 2005	19
2.1.3	Kegiatan Penipuan Kad Kredit	20
2.1.4	Penyelidikan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN)	27
2.1.5	Jenis Jenis Penipuan	29
2.1.6	Penggunaan Kad Kredit Berjalur Magnetik	30
2.2	Kesan – Kesan Kad Kredit kepada Ekonomi Malaysia	36
2.3	Kesimpulan	39

BAB 3 – Peranan Pihak Polis (PDRM), Agensi Agensi dan Institusi Bank Bank dalam menangani jenayah frod kad kredit dan ekonomi.

3.1	Peranan Polis Diraja Malaysia	40
3.2	Peranan Agensi Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan	42
3.3	Peranan Institusi Bank Bank Tempatan	42

BAB 4 – Undang Undang dan Penguatkuasaan terhadap Jenayah Frod Kad Kredit

4.1	Undang Undang dan Penguatkuasaannya di Malaysia	44
4.2	Akta Perlindungan Data Peribadi	47

BAB 5 – Kesimpulan dan Cadangan

5.1	Memupuk Tahap Kesedaran	52
5.2	Cadangan	56
5.3	Kesimpulan	60

Bibliografi	<u>BAB 1</u>	62
Lampiran I – Statistik dari tahun 2005 - 2009		64
1.0 <u>Pendahuluan</u>		
Lampiran II – Proses Pengeluaran Kad Kredit		65
Lampiran III – Soalan Temubual		66
1.0 <u>Pendahuluan</u>		

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini jenis kad kredit bertamabah penggunaannya kad kredit di kalangan rakyat Malaysia terutamanya oleh penduduk Bandar seperti ibu kota Kuala Lumpur dan Selangor. Penggunaan kad kredit kini telah menjadi kebiasaan daripada cara tunai. Setakat ini lebih daripada 5.4 juta kad kredit telah dikeluarkan. Angka ini akan terus meningkat. Di masa yang sama terdapat sebilangan yang menganggap bahawa di atas kapasiti penggunaan kad kredit untuk tujuan menipu dan memalsukannya.

Perkembangan ini selain dengan peningkatan laporan ke atas kes-kes yang melibatkan kad kredit. Antara tahun 2005 sehingga 2009 sebanyak 1,161 kes telah dilaporkan melibatkan kerugian sebanyak RM 9, 575, 438.76. Daripada jumlah itu sebanyak 257 kes dilaporkan di Selangor dan 74 kes dilaporkan di Kuala Lumpur pada 2009. Jumlah kerugian dilaporkan meningkat RM 2, 900, 737.95. Dalam kes jenayah siber putih seperti ini, sebanyak kes-kes tersebut bukan hanya pada masyarakat bandar saja tetapi seluruh Malaysia dan Negara-negara bersebelahan. Jumlah kerugian walaupun dilaporkan seborang tidak dapat diurai dengan tepat. Nampak yang nyata berjuta-juta ringgit telah hilang berpindah ke tangan diorang kad ini melalui penyalahgunaan kad kad tuhan terutamanya melalui pampasan kad kredit.

BAB 1

1.0 Pengenalan

1.0 Pendahuluan

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini jelas kelihatan bertambahnya penggunaan kad kredit di kalangan rakyat Malaysia terutamanya oleh penduduk Bandar seperti ibu kota Kuala Lumpur dan Selangor. Penggunaan kad kredit kini telah menjadi sebahagian daripada cara hidup. Setakat ini lebih daripada 5.4 juta kad kredit telah dikeluarkan, Angka ini akan terus meningkat. Di masa yang sama terdapat sebilangan yang mengambil kesempatan di atas kepesatan penggunaan kad kredit untuk tujuan menipu dan memalsukannya.

Perkembangan ini selari dengan peningkatan laporan ke atas kes kes yang melibatkan kad kredit. Antara tahun 2005 sehingga 2009 sejumlah 1,181 kes telah dilaporkan melibatkan kerugian sebanyak RM 9, 535, 438.76. Daripada jumlah ini sebanyak 267 kes dilaporkan di Selangor dan 74 kes dilaporkan di Kuala Lumpur pada 2009. Jumlah kerugian dianggarkan mencecah RM 2, 906, 737.35. Dalam kes jenayah kolar putih seperti ini, lazimnya kesan kesanya bukan hanya pada matawang tetapi juga kepada ekonomi Malaysia dan Negara keseluruhannya. Jumlah kerugian walaupun dilaporkan sebenar tidak dapat dinilai dengan tepat. Namun yang nyata berjuta juta ringgit telah lesap setiap tahun ke tangan sindiket kad in imelalui penyalahgunaan kad kad tulen terutama melalui pemalsuan kad kredit.

1.1 Statistik Jenayah Kad Kredit dan Tangkapan dari 2005 sehingga 2009¹

Berdasarkan statistik di atas, didapati jenayah kad kredit semakin meluas dan meningkat dari tahun 2005 sehingga 2009. Tidak dapat dinafikan, jumlah kerugian telah berganda daripada tahun 2005 sehingga 2009. Pada tahun 2005, Jumlah negeri yang mencatatkan kes pemalsuan kad kredit yang tertinggi adalah Kuala Lumpur dengan 25 kes dan diikuti dengan Selangor dengan 21 kes. Jumlah kerugian yang dicatatkan oleh Kuala Lumpur adalah sebanyak RM 713,572.08 manakala Selangor dengan RM 47,370.25.

Pada tahun berikutnya jumlah kerugian untuk Kuala Lumpur menurun kepada 11 kes manakala Selangor mencatatkan 39 kes di mana peningkatan sebanyak 18 kes dan kerugian dianggarkan sebanyak RM 365,270.33. Peningkatan yang drastik juga berlaku pada negeri-negeri lain Selangor mencatatkan peningkatan yang tertinggi pada 2009 dengan 267 kes berbanding 21 kes pada 2005. Kuala Lumpur pula mencatatkan 74 kes berbanding 25 kes pada 2005. Jumlah kerugian yang besar pada RM 2,906,737.95 adalah hampir setengah daripada kerugian yang dicatatkan pada 2009. Ini secara keseluruhannya melumpuhkan institusi bank tempatan dan kesan kepada ekonomi Malaysia secara keseluruhan.

Walaupun pelbagai usaha serta undang-undang diperketatkan, penjenayah akan memikirkan cara terbaik dan terbaru untuk meneruskan dengan jenayah ini. Ini menyebabkan jenayah kad kredit sukar untuk diatasi dan ditangani. Dalam mananalisis jumlah tangkapan pula, pada tahun 2005, jumlah kes yang

¹ Statistik penipuan kad kredit dan tangkapan dilampirkan di Lampiran 1.

dicatatkan adalah 94 dan tangkapan yang dibuat adalah 52. Hampir setengah daripada kes pemalsuan kad kredit dapat dikesan dan ditangkap.

Skop jenayah kolar putih adalah luas dan sukar difahami oleh mereka yang Pada 2009 pula, jumlah kes daripada semua negeri adalah sebanyak 580 dan hanya 153 tangkapan yang dibuat. Iaitu hanya $\frac{1}{4}$ daripada jumlah kes. Ini menunjukkan terdapat banyak ruang dalam undang undang yang membolehkan penjenayah terlepas begitu sahaja. Malah, undang undang tidak ketat untuk memberikan pengajaran kepada penjenayah tersebut. Statistik statistik di atas adalah lengkap untuk menunjukkan Jumlah kerugian dan tangkapan berdasarkan perpektif Polis Diraja Malaysia dan mudah untuk difahami dan dibaca.

Angka itu, pendedahan juga dibuat terhadap kes-kes pemalsuan kad kredit (kes studi) yang berjaya dilasat dan laporan laporan Polis yang telah diserahkan. Kajiidkan ini juga akan hanya membenarkan lumpuan terhadap pemalsuan kad kredit dan kesan kesannya terhadap ekonomi Malaysia yang telah mengalami kerugian daripada pemalsuan kad kredit tersebut.

1.3 Tujuan Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengetahui perkembangan penggunaan kad kredit serta tahap jenayah pemalsuan kad kredit di Selangor, Kuala Lumpur dan Kuala Lumpur. Kajian ini bukan sahaja dapat meningkatkan pengetahuan umum mengenai jenayah kad kredit tetapi dapat diberikan sebagai asas untuk kajian selanjutnya oleh pihak yang berminat memandangkan penggunaan kad kredit yang semakin meluas.

1.2 Skop Kajian

Skop jenayah kolar putih adalah luas dan sukar difahami oleh mereka yang berada di luar dari bidang perniagaan atau korporat, Mneyedari hakikat ini, penulis akan memberi penumpuan kajiselidikan ini terhadap Jenayah pemalsuan Kad Kredit dan kesan kesan yang dialami oleh ekonomi secara keseluruhannya di Malaysia mengikut laporan laporan dan statistik daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan laporan tahunan Bank Negara Malaysia daripada tahun 2005 sehingga tahun 2009.

Di samping itu, pendedahan juga dibuat terhadap kes kes pemalsuan kad kredit (kes studi) yang Berjaya disiasat dan laporan laporan Polis yang telah dilakukan. Kajiilidikan ini juga akan hanya memberi tumpuan terhadap pemalsuan kad kredit dan kesan kesannya terhadap ekonomi Malaysia yang telah mengalami kerugian daripada pemalsuan kad kredit tersebut.

1.3 Tujuan Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengetahui perkembangan penggunaan kad kredit serta tahap jenayah pemalsuan kad kredit di Malaysia terutamanya di ibu kota Kuala Lumpur dan Selangor. Kajian ini bukan sahaja dapat meningkatkan pengetahuan umum mengenai jenayah kad kredit tetapi dapay dijadikan sebagai asas untuk kajian selanjutnya oleh pihak yang berminat memandangkan penggunaan kad kredit yang semakin meluas.

1.3 Sekiranya fenomena pengeluaran dan penggunaan kad kredit tidak dikawal, ianya semestinya akan menimbulkan kesan yang negatif kepada industri kad kredit dan imej Negara sebagai destinasi pelancong juga akan turut terjejas. Ekoran daripada itu, ekonomi Malaysia pastinya akan mengalami deficit yang teruk. Pihak Polis juga terpaksa menghadapi satu ciri jenayah yang canggih dari semasa ke semasa dan memerlukan bantuan semua pihak terutamanya bantuan antarabangsa dan bank bank tempatan bagi menanganinya.

1.4 Permasalahan Kajian

Sejak akhir-akhir ini, banyak diperkatakan mengenai penggunaan kad kredit oleh rakyat Malaysia. Perkara ini bukan hanya tersiar melalui media elektronik atau media cetak malahan turut diperbincangkan oleh wakil rakyat dalam Persidangan Parlimen. Salah satu perkara yang disentuh ialah mengenai masalah penipian melalui pemalsuan kad kredit yang mengakibatkan kerugian berjuta-juta Ringgit kepada bank-bank sebagai bank pembayar kepada transaksi yang menggunakan kad kredit palsu.

Walaupun langkah-langkah pencegahan telah diambil oleh berbagai pihak seperti Bank Negara, industri kad kredit, bank komersil, institusi kewangan dan pihak penguatkuasa tetapi penipuan kad kredit terus juga berlaku. Perkara ini telah menarik perhatian pengkaji untuk melihat apa yang berlaku dalam hal berkenaan penipuan kad kredit.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajilidikan ini ialah untuk megetahui perkara-perkara seperti berikut :-

1. Kesan pemalsuan kad kredit secara bersindiket terhadap mangsa, industri kad kredit dan Negara;
2. Pemasalahan yang dihadapi oleh pihak pihak yang terlibat dalam menangani pemalsuan kad kredit;
3. Keberkesanan undang undang dalam menangani jenayah pemalsuan kad kredit;
4. Mengenalpasti langkah langkah yang perlu diambil dalam menengani masalah pemalsuan kad kredit.

1.6 Persoalan Kajian

Sebahagian besar dari kajian ini merupakan deskriptif. Walaubagaimanapun dalam pendekatan kajian ini penulis dipengaruhi oleh pendapat D. Veness dalam laporan kajiannya mengenai jenayah Kad kredit. Beliau berpendapat bahawa pemalsuan kad kredit adalah satu jenayah yang bersindiket, bertindak melangkaui batasan Negara Negara melibatkan Kanada, Eropah, Timor Jauh dan Amerika Syarikat.² Jenayah ini hanya dapat ditangani dengan adanya kerjasama ikhlas dari pelbagai agensi dan pendekatan antarabangsa. Oleh yang demikian satu hipotesis yang serupa telah diterima dan diakui bahawa 'Jenayah

² Druru A.C. & Ferrier C.W. "Credit Card" London 1984

pemalsuan Kad Kredit di Malaysia adalah bersindiket dan melibatkan jalinan kerjasama penjenayah penjenayah antarabangsa.'

1.7 Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kualitatif dan kuantitatif ('mix method') merupakan satu kajian lapangan dengan menggunakan pengumpulan data. Kajian ini dilakukan berpandukan kepada fakta fakta berikut:-

1.7.1 Data Sekunder

Kebanyakan data ini diperolehi dari catatan dan statistic bahagian Jenayah Kolar Putih, Polis Diraja Malaysia, bank bank tempatan dan Bank Negara Malaysia.

1.7.2 Bahan Rujukan

Rujukan perputakaan telah dibuat ke atas majalah, akhbar dan buku buku rujukan daripada dalam serta luar negeri yang berkaitan jenayah perdagangan dan pemalsuan kad kredit. Sebelum daripada ini, kajian terhadap jenayah kolar putih kad kredit adalah terhad, mahupun penyelidikan tempatan yang boleh dirujuk berkaitan. Jenayah Perdagangan secara am. Mahupun demikian, kebanyakan bank bank tempatan enggan memberikan statistik kerana tajut atau getar reputasi bank bank tersebut akan terjejas sekiranya jumlah kerugian yang sebenar

1.7.4 diketahui. Bahan rujukan serta akhbar akhbar tempatan telah dirujuk untuk mengetahui perkembangan fro kad kredit di Malaysia.

1.7.3 Temubual

Temubual dilakukan dengan beberapa responden yang terdiri daripada pegawai penyiasat di Polis Diraja Malaysia, Pemegang Pemegang dan tuannya Kad Kredit, Orang Awam, Mangsa-mangsa Kad Kredit serta pegawai pegawai bank bank tempatan. Temubual dengan responden responden ini telah menghasilkan maklumat yang berguna dan boleh dipercayai mengenai frod kad kredit serta kesannya terhadap ekonomi Malaysia.

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, pegawai pegawai bank yang ditemubual melainkan Bank Negara Malaysia, agak keberatan meluahkan maklumat maklumat sebenar secara terperinci mengenai kerugian dan bilangan bilangan kes pemalsuan kad kredit yang ditanggung oleh bank/institusi kewangan mereka. Penulis dapat memahami kedudukan mereka yang bertanggungjawab menjaga keselamatan dan imej organisasi mereka dalam dunia industri kad kredit yang penuh persaingan.

1.7.4 Kes Studi

Dalam kajilidikan ini kes studi mengenai pemalsuan kad kredit telah dijalankan melalui keratan akhbar dan rujukan di Bukit Aman, Kuala Lumpur.

1.8 Batasan Kajian

Sepertimana kajilidikan yang lain, kajilidikan ini juga mengalami beberapa masalah dan kelemahan tersendiri. Antaranya ialah:-

- i) Kesuntukan masa bagi membolehkan penulis mendapatkan rujukan rujukan yang relevan dengan topic.
- ii) Bidang jenayah perdagangan amat luas lagi canggih. Penulis yang lebih berpengalaman dalam Bidang ini mendapati sukar memahami istilah istilah yang dicatatkan oleh penulis buku buku rujukan yang digunakan.
- iii) Terdapat sebilangan kes pemalsuan kad kredit telah tidak dilaporkan kepada pihak bank dan polis yang cuba ditutup atau diselesaikan sendiri oleh pihak pengeluar kad bagi menjaga imej dan reputasi syarikat mereka. Justeru itu, terdapat percanggahan perangkaan kes pemalsuan kad kredit yang dilaporkan oleh polis dan pihak bank.
- iv) Kepesatan ekonomi tidak dapat ditentukan sekiranya Bank Negara Malaysia tidak mendapat perangkaan yang tepat dan betul.

v) Ketidakeragaman perangkaan di antara Statistik yang diperolehi oleh Penulis dan daripada pihak bank adalah tidak konsisten. Walaubagaimanapun, penulis berpendapat bahawa statistik PDRM dapat membantu kerana ia adalah terperinci dan melaporkan jumlah tangkapan dan kerugian.

1.9 Signifikan Kajian

Kajian ini adalah untuk memberi gambaran mengenai penggunaan kad kredit yang menjadi satu keperluan kepada pengguna dan kegiatan penipuan yang semakin sukar dibendung. Walaupun banyak pelaburan yang dibuat oleh pembekal kad kredit melalui teknologi penyelidikan dan pembangunannya dengan memperkenalkan jenis-jenis kad kredit baru yang di percayai lebih selamat. Namun ianya masih menjadi sasaran pemalsuan dan penipuan oleh sindiket-sindiket penjenayah. Dengan mendedahkan modus operandi yang dilakukan oleh individu atau sindiket dalam penipuan kad kredit, ia diharapkan memberi maklumat pencegahan yang berguna kepada pemilik kad kredit khususnya dan perniagaannya.

Kajian ini juga diharap dapat menjadi paltfor sebagai asas untuk kajian selanjutnya oleh pihak yang berminat memandangkan penggunaan kad kredit yang semakin menjadi asas keperluan seharian. Sekiranya fenomena penipuan dan pemalsuan kad kredit tidak dikawal, ianya akan menimbulkan kesan yang negatif kepada industri kad kredit serta menjejaskan imej Malaysia sebagai destinasi pelancongan dan boleh memberi kesan negatif kepada ekonomi Negara.

1.10 Kesan Kajian

Adalah diharapkan kajian ini dapat menyumbang ke arah lebih kefahaman kerjasama di antara pihak bank bank untuk mengatasi kesan frod kad kredit dengan pihak pihak yang terlibat dengan industri kad kredit setelah dijadikan mangsa pemalsuan kad kredit. Walau pun kesan pemalsuan dan kerugian lebih dirasai dan ditanggung oleh pihak pengeluar kad, penyatuan dalam sebarang tindakan yang diambil setidak tidaknya dapat mengurangkan bilangan kes yang dilaporkan. Kerjasama ini perlu diwujudkan dalam menghadapi jenayah pemalsuan kad kredit terutamanya yang dilakukan secara besindiket dan beroperasi secara antarabangsa.

1.11 Tinjauan Sastera (Literature) secara ringkas

1.11.1 Trend jenayah kad kredit masa kini

Hasil meklumat dan siasatan polis Bahagian Siasatan Jenayah Perdagangan Bukit Aman, mendapati kebanyakan jenayah kad kredit ini dilakukan oleh sindiket-sindiket yang beroperasi di bawah perlindungan perniagaan yang sah seperti di restoran-restoran, hotel-hotel dan pasaraya-pasaraya.

Jenayah kad kredit merupakan satu permasalahan yang bukan sahaja melibatkan sesebuah Negara tetapi mempunyai perkaitan di antara sesebuah Negara dengan Negara lain. Ini jelas terbukti kerana ciri-ciri pemasaran kad kredit itu sendiri dibuat secara meluas di seluruh dunia dengan menawarkan pelbagai tawaran istimewa bagi pengguna kad. Tawaran ini juga turut diambil kesempatan oleh penjenayah yang lazimnya bergerak secara sindiket.

Hasil siasatan dari Bahagian Siasatan Jenayah Perdagangan Bukit Aman mendapati trend atau ancaman semasa dari sindiket jenayah kad kredit antara lain adalah seperti berikut :-

(i) *'Credit Master'*

Penggunaan program computer yang dikenali sebagai 'Credit Master' yang diperolehi dari Internet. Program ini berupaya mewujudkan nombor-nombor akaun kad kredit yang sah. Industri kad kredit telah memperkenalkan ciri-ciri keselamatan di dalam kad-kad kredit yang menyekat penggunaan kaedah ini sewaktu transaksi urusanniaga dibuat. Namun begitu, kad-kad seumpama ini telah digunakan ditempat-tempat di mana kad-kad boleh digunakan secara elektronik umpamanya di stesen-stesen minyak dan apabila mendapat kerjasama dari peniaga (collusive merchant).

(ii) *Skimming*

Penggunaan alat elektronik yang berupaya membaca dan menyimpan data akaun di dalam jalur magnetik kad-kad kredit. Alat ini digunakan dalam jalur magnetik kad-kad kredit. Alat ini digunakan dengan melayap (swipe) kad kredit di saluran yang terdapat di alat berkenaan yang kemudiannya akan membaca dan menyimpan data di dalam 'memory chip'. Data yang 'dicuri' akan digunakan untuk membuat kad-kad kredit palsu dengan menggunakan peralatan computer

Industri kad kredit telah berpindah (migrate) kepada teknologi cip yang mana akan mempertingkatkan lagi ciri-ciri keselamatan berbanding dengan kad kredit semasa yang menggunakan teknologi jalur magnetik (magnetic stripe). Justeru itu, jenayah kad kredit yang dilakukan secara bersindiket (organized crime),

dijangka 'modus operandi' mereka akan turut berpindah mengikut peredaran masa. Walaubagaimana tindakan risikan dan pencegahan serta operasi berterusan sedang dan akan dilakukan oleh Unit Kad Kredit dan Cek Kembara, Pasukan Operasi Bahagian Siasatan Jenayah Perdagangan, Bukit Aman.

Hasil dari siasatan polis Bahagian Siasatan Jenayah Perdagangan mendapati kebanyakan jenayah kad kredit dilakukan dengan menggunakan suatu alat yang dipanggil 'skimmer'.³ Kebanyakan jenayah kad kredit ini melibatkan sindiket yang beroperasi secara meluas di Bandar-bandar besar di Malaysia dan sindiket ini juga beroperasi secara antarabangsa dan dipercayai mempunyai ahli-ahli di beberapa buah Negara termasuk Jepun, Amerika Syarikat, Hong Kong dan Taiwan

Daripada siasatan juga mendapati kebanyakan jenayah kad kredit dilakukan oleh sindiket-sindiket yang beroperasi di bawah perlindungan perniagaan yang besar seperti di hotel-hotel, restoran-restoran dan di gedung-gedung perniagaan. Setiap peringkat persubahatan penjenayah dijalankan secara tersusun dan terancang untuk menipu system pembayaran kad sedunia. Kejayaan system pembayaran kad adalah berdasarkan kepada fakta yang kad kredit berjanama diterima sebagai pembayaran di seluruh dunia. Penerimaan ini juga merupakan kelemahan yang disertakan dengan pelbagai cara dan pecahan system pembayaran itu sendiri.⁴ Kelemahan inilah yang menjadi tumpuan pihak penjenayah untuk mengeksploitasikannya.

³ Edelherte H. "The Nature, Impact and Prosecution of White Collar Crime", U,S, Department of Justice, 1970

⁴ Supra 3

1.12 Selain daripada jenayah yang melibatkan kad kredit, sindiket ini juga tidak melepaskan peluang untuk memalsukan kad caj. Institusi pengeluar kad caj seperti 'American Express'.⁵ Diners Club International' dan "JCB", mereka ini mengeluarkan dan mendapatkan peniaga-peniaga mereka sendiri. Oleh itu pihak ini dapat mengawal pelaksanaan system pembayang mereka dari ditipu. Pemilik kad jenama ini perlu menjelaskan hutang mereka di setiap akhir bulan, Justeru itu pihak penjenayah kurang berminat memalsukan kad caj kerana sistem kawalan yang ketat dan pembayaran balik cepat. Walaubagaimana pun ia menjadi sasaran kerana kad had berbelanja kad caj adalah tinggi.

mempunyai konsep dan definisi tersendiri. Dalam konteks Malaysia, penulis mengambil definisi oleh Tan Sri Zeti Aziz, Gabenor Bank Negara yang bermaksud "Salah kegunaan haram dan tidak sah yang dilakukan terhadap undang-undang negara yang telah ditetapkan atau dikenakan denda atau penjara atau kedua-duanya sekali. Ia ini berpunca pada unsur Ekonomi, Sosial, Politik dan Persekutuan" (Buletin "Economic Crime", Ogos 1992)

3. Pemalsuan : Terdapat banyak definisi mengenai pemalsuan. Bagi konteks pemalsuan kad kredit ini, boleh diartikan sebagai mengandungi sengketa aktiviti >

3.1 Menerima dan mengembara kad kredit haram

⁵ Supra 3

1.12 Takrifan Istilah⁶

1. Jenayah: Secara Amnya jenayah ialah perbuatan atau ketinggalan yang salah dan boleh dihukum oleh undang undang. Aktiviti haram adalah jenayah. Jenayah juga merangkumi sesuatu perbuatan jahat, tidak bermoral atau tidak amanah.

2. Jenayah Kolar Putih: Tidak terdapat definisi yang tepat untuk menghuraikan makna dan perlakuan jenayah kolar putih. Setiap Negara mempunyai konsep dan definisi tersendiri. Dalam konteks Malaysia, penulis mengambil definisi oleh Tan Sri Zeti Aziz, Gabenor Bank Negara yang berbunyi; "*Setiap kegiatan haram dan tindakan yang dilakukan terhadap undang-undang negara yang boleh dihukuman atau dikenakan denda atau penjara atau kedua-duanya sekali. Hal ini berpusat pada unsur Ekonomi, Sosial, Politik dan Persekitaran*" (Backvench, "Economic Crime", Ogos 1992)⁷

3. Pemalsuan : Terdapat banyah definisi mengenai pemalsuan. Bagi konteks pemalsuan kad kredit ianya boleh dirangkumi sebagai mengandungi empat aktiviti :-

3.1 Meminda dan mengembos kad kredit tulen.

⁶ Takrifan Istilah diambil sepenuhnya daripada kamus Webster's New Twentieth Century Dictiniory Unabridged, 2nd Ed, Deluxe Color, New Color, New York, 1979 dan diterjemahkan kepada Bahasa Melayu.

⁷ Yusof Nook, Supt. Economic Crime – Trend and Analysis in Malaysia" Backbench, Ogos 1992.

3.2 Mengkod semula butir butir nombor akaun tulen ke atas jalur magnet kad kredit tulen yang lain.

3.3 'Plastik Putih' satu terminology yang digunakan ke atas mana mana kad Plastik yang telah digunakan untuk meniru fungsi fungsi sesuatu kad kredit tulen.

3.4 Kad Kredit yang dipalsukan sepenuhnya, biasanya dirujuk sebagai Plastik berwarna. (coloured plastic).

4. Kad Kredit : Satu kad transaksi kewangan yang membenarkan pembelian barangan, perkhidmatan atau pengeluaran wang pendahuluan secara pinjaman.

¹ Merton, R.K. 'Bureaucratic Theory and Bureaucratic Structure', New York: Free Press, 1936

² Hildebrand, 'Legislative Institutional Control in Central Bank History', *Banking and Finance*, 11 February 1983

BAB 2

2.0 Frod Kad Kredit dan Kesan Kesan Ekonomi kepada Malaysia

2.1 Frod Kad Kredit di Malaysia

Kad kredit bolehlah ditakrifkan sebagai sejenis kad yang digunakan sebagai pengganti wang tunai atau buat masa ini lebih dikenali sebagai wang plastik. Sejak akhir-akhir ini, penggunaan kad kredit didapati semakin popular di kalangan masyarakat kita terutamanya ahli perniagaan. Kini terdapat semakin banyak syarikat yang mengeluarkan kad kredit seperti American Express, Visa, dan Master Card. Menurut pendapat Menteri Kewangan Malaysia, penggunaan kad kredit merupakan pemangkin masalah inflasi yang sangat ketara.

Di samping itu, beliau juga turut meramalkan bahawa bilangan pengguna kad kredit ni negara kita akan bertambah pada tahun-tahun yang akan datang. Salah satu daripada faktor yang menggalakkan orang ramai menggunakan kad kredit ialah mereka tidak perlu membawa wang tunai yang banyak untuk membeli belah.⁸ Bagi sesetengah pengguna, membawa wang tunai yang banyak ketika membeli belah merupakan suatu beban. Keadaan ini lebih ketara sejak kerajaan mewujudkan wang yang bernilai seringggit dalam bentuk siling.

Kini terdapat hampir 50 peratus daripada pengguna yang membeli belah di pasar raya- pasar raya dengan menggunakan kad kredit.⁹ Pengguna akan berasa lebih selesa menggunakan kad kredit daripada menggunakan wang tunai kerana kad

⁸ Merton, R.K. "Social Theory and Social Structure", New York : Free Press, 1949

⁹ Hidzir Yahya, "Legal and Institutional Control in Context Card Industry.", Seminar Bank Negara, 11 February 1993

kredit lebih ringan dan tidak mendatangkan masalah untuk digunakan bila-bila difikirkan perlu. Pengguna kad kredit juga berasa lebih selamat menggunakan kad kredit berbanding dengan penggunaan wang tunai. Hal ini kerana semua kad kredit yang digunakan tidak boleh bertukar milik. Setiap kali mereka menggunakan kad kredit tersebut mereka dikehendaki menandatangani borang khas yang akan dapat mengesan pemilik sebenar kad kredit tersebut.¹⁰

Oleh hal yang demikian, pemilik kad kredit tidak perlu bimbang sekiranya kad mereka hilang atau dicuri orang. Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh pengeluar kad kredit American Express, jumlah pemegang kad tersebut bertambah hampir 40 peratus pada setiap tahun. Menurut kebanyakan pemilik kad tersebut,¹¹ mereka berasa lebih selamat menggunakan American Express kerana mereka cepat mendapatkan kad ganti yang baru dengan cepat apabila berlaku kehilangan.¹²

Salah satu jenayah yang boleh dilihat berlaku kepada pemegang kad kredit adalah frod kad kredit. Jenayah ini dapat diklasifikasikan sebagai jenayah kolar putih. Sebelum penulis melihat kepada aspek ekonomi, penulis menerangkan serba sedikit tentang jenayah kad kredit dan cara cara ia dilakukan.

2.1.1 Lewat Tahun 1990 an

Pada lewat tahun 1990'an pengeluar kad kredit memperkenalkan pula ciri keselamatan tambahan dengan meletakkan tiga nombor Kod Keselamatan (3

¹⁰ Hidzir Yahya, "Legal and Institutional Control in Context Card Industry:", Seminar Bank Negara, 11 February 1993

¹¹ Temubual dengan orang awam pada 19 Mei 2010

¹² Seminar Antarabangsa, paper presentation, "Detecting and Preventing Fraud in Plastic Cards and Payment System:", Mastercard International, 6 January 2003

digits Security Code) yang bercetak pada bahagian bawah jalur magnetik yang dinamakan "Card Verification Value" (CVV) untuk kad kredit Visa dan "Card Verification Code" (CVC) untuk kad kredit.¹³

2.1.3 Kelebihan dan Kekurangan Kad Kredit

MasterCard bagi mengelak daripada mudah dipalsukan. Namun demikian, pemalsuan kad kredit terus berlaku setelah data-data dari dalam jalur magnetik dan kod keselamatan itu dapat diperolehi secara tidak sah oleh sindiket penipuan kad kredit.

2.1.2 Selepas Tahun 2005

Pada tahun 2005, Bank Negara Malaysia memperhebatkan usaha untuk membangunkan dan menambah baik infrastruktur sistem pembayaran selaras dengan matlamatnya untuk memastikan sistem pembayaran yang efisien, boleh dipercayai dan selamat. Bagi tujuan tersebut, Bank Negara Malaysia telah mengarahkan bank-bank pengeluar kad kredit supaya sempurnakan perpindahan kepada cip EMV (Europay-MasterCard-Visa).

Semua industri kad kredit telah berjaya menyempurnakan perpindahan kepada kad kredit bercip EMV dalam tahun 2005. Ini telah menjadikan Malaysia sebagai negara pertama dirantau ini yang menyempurnakan pelaksanaan perpindahan kepada cip EMV bagi seluruh industri kad kredit. Pelaksanaan perpindahan cip dilengkapi lagi dengan pelaksanaan talian telefon dipersulitkan atau '*line encryption*' untuk menghalang penipuan dalam talian dan seterusnya

¹³ Yusof Nook, Supt. Economic Crime – Trend and Analysis in Malaysia" Backbench, Ogos 1992.

meningkatkan keyakinan pengguna, peniaga dan pelancong melakukan pembayaran menggunakan kad kredit di negara ini.¹⁴

2.1.3 Kegiatan Penipuan Kad Kredit

2.1.3.1 Peringkat Antarabangsa

Pemalsuan kad kredit adalah satu permasalahan sejagat yang mana trend kegiatan pemalsuan kad kredit bukan sahaja melibatkan sesebuah negara tetapi mempunyai perkaitan di antara sebuah negara dengan negara yang lain. Ini jelas terbukti kerana ciri-ciri pemasaran kad kredit itu sendiri dibuat secara meluas di seluruh dunia dengan menawarkan pelbagai tawaran istimewa bagi pengguna kad. Pengguna kad kredit boleh berbelanja menggunakan kad mereka dimanapun sahaja negara.

Tawaran ini juga turut diambil kesempatan oleh penjenayah dari kalangan rakyat Malaysia yang lazimnya bergerak secara sindiket dimana sebahagian daripada mereka turut ditangkap diluar negara diatas penglibatan mereka dalam penipuan kad kredit. Malahan ada juga rakyat dari Negara asing turut ditangkap oleh pihak polis dinegara ini kerana didapati terlibat dalam sindiket pemalsuan kad kredit bagi tujuan penipuan.

2.1.3.2 Proses pemalsuan kad kredit

Jenayah pemalsuan kad kredit secara tradisinya mengandungi beberapa peringkat. Pertamanya ialah mengeluarkan kad-kad asas untuk tujuan ini kad

¹⁴ Steven K.C Poh, "For want of law and order", Malaysian Business, November 1991

plastic dicetak menyamai kad tulen dengan disertakan cirri-ciri jalur magnetic, panel tandatangan dan hologram. Kesemua cirri-ciri ini dibuat di satu tempat sahaja yang boleh dinamakan kilang kad asas walaupun tanda keselamatan 'hologram' itu lazimnya dibuat di tempat lain.¹⁵

Di peringkat kedua, kad-kad asas yang siap dengan cirri-ciri diatas dipindahkan ke kilang kedua atau kilang penyudah di mana data-data akaun diembos dan dikod ke atas kad-kad berkenaan. Kad-kad yang telah siap dipalsukan akan diedarkan melalui orang tengah kepada sindiket-sindiket yang menggunakannya untuk menipu. Pada mana-mana peringkat proses yang dijalankan, orang tengah digunakan untuk membawa kad-kad yang sedang diproses dari satu kilang ke kilang yang lain.

2.1.3.3 Sumber data bagi pemalsuan kad kredit¹⁶

Era digital dan Internet membuka ruan kepada kecurian, pintasan dan penyalahgunaan data dan maklumat secara berleluasan. Bukan sahaja maklumat dapat diperolehi secara percuma, bebas dan mudah tetapi prasarana ICT memberi ruan kepada komunikasi melepasi sempadan dan halangan masa. Dalam kegiatan jenayah kad kredit, sumber-sumber bagi memperolehi data kad kredit bagi tumuan penipian dan pemalsuan boleh dilakukan seperti berikut :-

¹⁵ Yusof Nook, Supt. Economic Crime – Trend and Analysis in Malaysia” Backbench, Ogos 1992 m/s 21

¹⁶ Yusof Nook, Supt. Economic Crime – Trend and Analysis in Malaysia” Backbench, Ogos 1992 m/s 32

(i) Perolehan secara tradisi

Secara tradisi data kad boleh diperolehi dari Peniaga atau kakitangan Bank yang bersubahat membekalkan data kad kredit pelanggan mereka kepada sindiket jenayah kad kredit.

(ii) Generasi Akaun (Account Generation Software)¹⁷

Dua perisian generasi akaun ini ialah 'CreditMaster' dan 'CreditWizard'. Program perisian ini boleh menjana (generate) nombor kad kredit yang sah (valid) atau membina rangkaian nombor akaun kad kredit (explore) dari satu nombor kad kredit yang sah. Penggodam computer telah mencipta program ini untuk memanipulasi nombor kad kredit yang sah. Model ini berasaskan kepada modulus 10 alogarithm yang digunakan oleh pihak pengeluar kad kredit untuk menghasilkan penyemakan nombor kad kredit sebelum kelulusan pembelian diberikan.

Meyimpan atau memiliki perisian tersebut bukanlah satu kesalahan disisi undang-undang kerana kedua-dua perisian tersebut boleh didapati dipasaran dan Internet. Nombor akaun yang diperolehi secara ini banyak digunakan dalam kegiatan penjenayah kad kredit secara online dan MOTO, yang tidak memerlukan jalur magnetik kad di imbas kepada terminal pengesahan. Ini kerana program ini hanya mampu menjana nombor akaun kad tetapi tidak dapat menentukan kod CVC/CVV.¹⁸

¹⁷ Michael J. Auriemma & Robert S. Coley. "Bankcard Business", 1992

¹⁸ Supra 12

(iii) Penggodaman Laman Web

Penggodaman kemas laman web (websites) Peniaga atau Pengeluar/Pengelola kad kredit dan Perkhidmatan Rangkaian / Aplikasi Internet (ISP-Internet Service Provider) dimana data kad dicuri/pintas dan digunakan dalam pemalsuan kad kredit.¹⁹

(iv) Skimming

Kaedah skimming berlaku apabila data dalam jalur magnetic kad tulen ditiru atau direkodkan menggunakan alat dipanggil sebagai Skimmer. Skimmer adalah alat elektronik yang bersaiz kecil, lebih kecil daripada saiz kotak rokok, yang mempunyai memory chip, dan mampu menyimpan data akaun kad apabila kad di swipe di saluran yang terdapat di alat berkenaan. Data yang direkodkan didalam Skimmer kemudian dimuat-turut (reload) ke dalam computer dan dienkod kedalam jalur magnetic kad palsu. Saiz Skimmer yang kecil dan kaedah ini mampu meniru atau merekodkan semua data yang disimpan dalam jalur magnetic kad tulen (diklon), termasuk segala ciri-ciri keselamatan seperti CVC1/CVC2, telah digunakan secara meluas oleh sindiket jenayah kad kredit.

Kebiasaannya kegiatan Skimming berlaku ditempat dimana transaksi pengesahan (Authorisation) tidak dilakukan di hadapan Pemegang kad kredit, contohnya di pusat-pusat hiburan, restoran dan sebagainya (Out of sight transacton), Kad kredit di skimmed tanpa pengetahuan Pemegang kad atau berkemungkinan, sedang pengguna leka, juruwang boleh mengklon data kad kredit pengguna dengan menggunakan Skimmer tersebut.

¹⁹ Supra 15

'Modus operandi' terbaru skimming adalah dengan meletakkan alat skimmer didalam terminal EDC pusat jualan. Apabila kad di swipe di terminal, alat tersebut terus merkodkan data kad. Terbaru pula cip tersebut ditambah dengan SIM kad telefon mudah alih, yang mana sindiket tidak lagi perlu mengeluarkan dip untuk muat turut (download) data kad yang direkodkan, sebaliknya data kad yang direkodkan oleh cip terus dihantar secara SMS ke telefon bimbit sindiket.

(v) Pintasan talian telefon

Ini adalah modus operandi yang terkini digunakan oleh sindiket kad kredit dlama mencuri data kad kredit di Malaysia. Ia mula dikesan pada akhir tahun 2002 di Pulau Langkawi, Kedah. Sindiket memasang talian telefon yang disambung terus kepada computer / laptop / Modern Line Tab 2400 daripada Server transaksi kad kredit di Bank. Maklumat/data kad kredit terus dapat dipindahkan ke dalam laptop berkenaan. In merupakan satu MO yang sukar dikesan dan ditangani.

Terbaru, Pada Oktober 2003, PDRM telah Berjaya merampas 2 Perakam Suara Digital (MP3), yang dipasang di t alian telfon di belakang sebuah pusat perniagaan di Ampang Selangor.²⁰ Dipercayai sindiket telah mengubahsuan perakan MP3 tersebut untuk tujuan merakam data / isyarat kad kredit.

(vi) Key Ghost / Key Longger

Alat elektronik yang dipasang antara papan kekunci computer atau sebagian alat penerimaan data dengan CPU atau main frame computer. Alat ini mampu mengumpul dan menyimpan data dalam format enkripsi sehingga 300,000 huruf.

²⁰ Malay Mail, Jumaat, June 12, 2009

Sebarang data seperti nombor kad kredit, PIN dan kod rahsia dapat dipintas oleh alat ini.

2.1.3.4 Proses pemalsuan kad kredit²¹

Pemalsuan kad kredit membabitkan lima peringkat pemprosesan. Peringkat ini perlu difahami supaya serbuan dan pemeriksaan ketempat sedemikian akan memudahkan pegawai terlibat mencari dan mengenalpasti peralatan dan dokumen yang perlu dirampas dan diawasi.

1. Mencuri maklumat

Peringkat awal ini biasanya dipelopori oleh kumpulan yang menjalankan kegiatan mereka secara terancang dan maklumat yang didapati mungkin diambil melalui kaedah seperti yang diterangkan dalam Bahagian Sumber Data Pemalsuan Kad Kredit. Semua data akan dikumpulkan dan diberikan kepada sindiket untuk meneruskan proses pada peringkat kedua. Perolehan bahan bukti pada peringkat ini amat kritikal kerana prasarana ICT digunakan seperti computer, alat skimmer, telekon bimbit dan pelbagai peralatan komunikasi. Satu langkah dan prosedur rampasan dan pemeriksaan yang ketat dan teratur perlu ada supaya data / maklumat tidak dipindah / rosak / musnah/hilang. Contohnya satu sentuhan di papan kekunci computer boleh memusnahkan data/maklumat yang dikehendakki atau menanggalkan punca kuasa (bateri) pada alat skimmer boleh memusnahkan data didalamnya.

²¹ Proses tersebut diambil daripada Edelherte H. "The Nature, Impact and Prosecution of White Collar Crime", U,S, Department of Justice, 1970.

ii. Pembuatan kad palsu

Dari kes-kes jenayah kad kredit yang lalu, didapati kad kredit palsu biasanya dibuat oleh penjenayah dengan berselindung di sebalik syarikat-syarikat yang menggunakan imej syarikat percetakan. Pada peringkat ini, sindiket akan mengeluarkan kad-kad asas (base card) iaitu kad-kad plastik yang begitu sama.

2.1.4.1 Fasa Pertama - Menyuarai Maksud Pemegang Kad

Kegiatan memulakan maklumat pemegang kad kredit untuk tujuan pemisahan biasanya dilakukan oleh pekerja runcit atau perkhidmatan dengan mengambil maklumat berkenaan semasa menguruskan urusan pembelian dan pembayaran pelanggan. Setelah menerima kad kredit untuk proses pembayaran, pekerja berkenaan hanya perlu mengorek kad berkenaan pada mesin pembaca untuk mendapatkan semua maklumat peribadi yang penting yang kemudiannya data akan dijual kepada sindiket dan diwarikan untuk memulakan kad palsu.

2.1.4.2 Fasa Kedua - Memalukan Kad Kredit

Fasa fasa kedua pula membabitkan proses pemalukan kad kredit palsu yang biasanya dilakukan oleh syarikat yang kononnya beroperasi sebagai syarikat percetakan tetapi pada masa yang sama terlibat dalam menghasilkan kad-kad palsu. Penghasilan kad-kad palsu ini dilakukan secara sembunyi dan diwarikan pada wakil-wakil lain.

2.1.4 Penyelidikan Oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN)

Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) telah membuat satu penyelidikan mengenai masalah pemalsuan kad kredit dan mendapati kumpulan atau sindiket-sindiket mempunyai pembeli tetap yang terdiri daripada peruncit dan juga pemborong bagi urusan jualan semula barangan yang telah dibeli dengan menggunakan kad kredit palsu. Penyelidikan tersebut telah mengenalpasti kegiatan pemalsuan kad kredit membabitkan empat fasa iaitu:-

2.1.4.1 Fasa Pertama - Mencuri Maklumat Pemegang Kad

Kegiatan mencuri maklumat pemegang-pemegang kad kredit untuk tujuan pemalsuan biasanya dilakukan oleh pekerja runcit atau perkhidmatan dengan mengambil maklumat berkenaan semasa menguruskan urusan pembelian dan pembayaran pelanggan. Setelah menerima kad kredit untuk proses pembayaran, pekerja berkenaan hanya perlu menggores kad berkenaan pada mesin pembaca untuk memindahkan semua maklumat peribadi yang penting yang kemudiannya pula akan dijual kepada sindiket dan digunakan untuk memalsukan kad palsu.

2.1.4.2 Fasa Kedua - Memalsukan Kad Kredit

Pada fasa kedua pula membabitkan proses pemalsuan kad kredit palsu yang kebiasaannya dilakukan oleh syarikat yang kononnya beroperasi sebagai syarikat percetakan tetapi pada masa yang sama terlibat dalam menghasilkan kad-kad kredit palsu. Penghasilan kad-kad palsu ini ditakukan secara sembunyi dan dijalankan pada waktu malam sahaja.

2.1.4.3 Fasa Ketiga - Membeli Barangan Mewah Dan Mahal.

2.1.5 Fasa ketiga ialah kad kredit palsu yang telah dihasilkan ini kemudiannya dijual dengan harga antara RM50 dan RM200 atau menggunakannya dengan mengupah mereka-mereka yang dipercayai khusus untuk membeli pelbagai barangan mewah seperti pakaian berjenama, kasut, produk elektrik dan beg dari kedai yang berbeza-beza dengan tujuan bagi mengelak daripada disyaki ataupun ditangkap.

2.1.4.4 Fasa Empat - Menjual Sentula Barangan Yang Dibeli.

Fasa keempat ialah dimana barangan-barangan yang dibeli itu ditukar kepada bentuk wang tunai dengan melupuskannya dengan cara menjualnya kepada orang ramai dipasaran gelap tanpa ada sebarang kesulitan.

2.1.5 Jenis-Jenis penipuan kad kredit

2.1.5.1 Jenis Penipuan

Adalah didapati jenis penipuan kad kredit dilakukan dengan banyak cara (modus operandi) oleh individu atau sindiket. Diantaranya dengan cara mencuri kad-kad kredit, menyamar diri untuk menghasilkan tanggapan palsu, menggunakan nombor kad kredit dengan cara berbohong, memperolehi data akaun kad kredit yang disimpan dalam jalur magnetik dengan menggunakan alat yang dipanggil "skimmer" dan banyak lagi lain-lain cara.²²

Pihak pengeluar kad kredit telah mengambil tindakan-tindakan untuk mengatasi kegiatan penipuan kerana telah mengalami kerugian yang berjuta-juta Ringgit namun dhidu atau sindiket penipuan kad kredit dapat mengatasinya dengan menggunakan peralatan teknologi yang semakin canggih.²³ Jenis-jenis penipuan kad kredit yang dilakukan boleh di bahagikan kepada dua tempoh masa iaitu semasa penggunaan kad kredit berjalan magnetik dan selepas pengeluar industri kad kredit mempertingkatkan lagi ciri-ciri keselamatan kad dengan mengeluarkan kad kredit bercip. Modus-modus operandi tersebut ialah seperti berikut:-

²² Sutherland, E.H. and Cressey, D.R. "Criminology" Philadelphia : Lippincott. 1976.

²³ Peter Bunning, petikan dari kertas seminar bertajuk "Syndicated Counterfeit Credit Card Manufacturer", Seminar Fraud Prevention pada 14 – 17hb November 1994

2.1.6 Penggunaan Kad Kredit Berjalur Magnetik²⁴

(i) Kad Hilang

Orang yang menjumpai kad kredit tulen yang hilang dari pemiliknya akibat tercierir dan sebagainya dengan mudah menggunakan kad itu dalam transaksi pembelian barangan atau perkhidmatan sebelum penggunaannya disekat oleh bank.

(ii) Kad Dicuri Atau Samun

Kad kredit dicuri atau disamun dari pemiliknya dengan mudah menggunakannya dalam transaksi pembelian barangan samada oleh penjenayah itu sendiri atau orang lain yang menjumpai kad itu, jika penjenayah membuangnya, sebelum penggunaannya disekat oleh bank.

(iii) Mencuri Data

Data dan nombor akaun kad kepunyaan pelanggan dicuri oleh peniaga atau pekerjanya dengan menggunakan alat (device) yang dinamakan "skimmer". Kebiasaanya sindiket akan mengupah juruwang (cashier) untuk imbas kad bagi mencuri data dan nombor akaun pelanggan tanpa disedari oleh pelanggan.

²⁴ Peter Bunning, petikan dari kertas seminar bertajuk "Syndicated Counterfeit Credit Card Manufacturer", Seminar Fraud Prevention pada 14 – 17hb November 1994

'Skimming' berlaku apabila pencuri data menggunakan pembaca kad magnetik ('skimmer') yang boleh menyimpan 100 atau lebih nombor akaun, bersaiz lebih kecil dari kotak rokok dan boleh digenggam dalam tapak tangan, untuk mendapatkan maklumat peribadi daripada jalur magnetik di alas kad kredit atau kad debit dan memindahkan maklumat dari 'skimmer' kedalam komputer untuk dicetak. Data dan nombor akaun itu seterusnya dimasukkan (encoded) kedalam jalur magnetik kad klon. Kad klon itu kemudian digunakan dalam transaksi pembelian barangan atau perkhidmatan.

(iv) Nombor Akaun Dicuri Melalui "*Wire Tapping*"

'*Wire Tapping*' dibuat bagi mencuri nombor akaun kad dengan membuat pintasan pada wayar kabel telefon iaitu dengan menggunakan alat perakam digital "voice recorder". "*Voice Recorder*" ini akan merakamkan bunyi nombor-nombor akaun yang berhubungan melalui kabel telefon yang dikenalpasti sebagai digunakan untuk "*point terminal*" jualan elektronik kedalam bentuk angka-angka.

(v) Kad Klon Atau '*White Plastic Magnetic Stripe*'

Muka depan ('card face') bagi kad klon dibuat oleh sindiket menggunakan peralatan teknologi yang canggih iaitu "*Foil Feed Controller*", hingga dapat menghasilkan kad klon yang begitu sempurna sekali dan menyerupai kad tulen yang dikeluarkan oleh bank tempatan dan luar negara.

Nombor akaun kad kredit orang lain yang diperolehi secara tidak sah dimasukkan (encoded) kedalam jalur magnetik kad klon dan seterusnya menggunakan kad klon ini dalam transaksi pembelian barangan atau perkhidmatan. Nombor-nombor akaun yang dirakam itu akan dicetak dengan menggunakan komputer dan seterusnya ahli sindiket memasukkan (encoded) nombor-nombor akaun itu kedalam kad kredit palsu yang kemudiannya digunakan dalam transaksi dipremis perniagaan.

(vi) Nombor Akaun Dicuri Secara Manual

Mencuri nombor akaun kad dibuat secara manual dimana juruwang (cashier) menulis nombor akaun pelanggan, nama, tarikh tamat tempoh dan nombor kod keselamatan (CVV dan CVC) diatas kertas dan menjualnya dengan harga antara RM100 hingga RM300 bagi setiap satu nombor akaun kepada sindiket. Data-data itu kemudiannya dimasukkan kedalam jalur magnetik kad palsu oleh sindiket dan digunakan dalam transaksi dipremis perniagaan.

(vii) Selepas Penggunaan Chip (EMV) - (Selepas Tahun 2005) Kad Kredit Bercip

Meskipun kes penipuan kad kredit di Malaysia telah berkurangan selepas penggunaan kad berasaskan cip EMV, dan teknologi perlindungan talian dengan enkripsi data transaksi yang dihantar menerusi talian telefon komunikasi, penipuan kad kredit masih lagi sukar dibendung. Individu atau sindiket melakukannya dengan:-

- Kad hilang / Curi

Kad yang hilang atau dicuri masih dengan mudah dapat digunakan oleh orang lain dengan membuat pembelian barangan atau perkhidmatan tanpa kesulitan. Cara penipuan ini terus berlaku kerana peniaga atau juruwang tidak peka untuk memeriksa kad kredit yang digunakan dalam transaksi di premis perniagaan mereka. Contohnya, membuat penelitian dengan membuat perbandingan tandatangan yang terdapat dibahagian belakang kad dengan yang diturunkan pada draf jualan (sale draft) atau membandingkan lain-lain data yang terdapat dalam cip seperti nama dan sebagainya.

(vii) Mengambilalih Akaun (*Account Take Over- ATO*)

Ini adalah modus operandi terbaru dimana pegawai bank yang tidak amanah dipercayai terlibat menyalurkan maklumat kepada sindiket penipuan kad kredit. Pegawai bank dipercayai memberi maklumat sulit yang lengkap, seperti yang terdapat dalam borang permohonan pemilik kad, kepada sindiket. Maklumat sulit seperti nombor telefon, nama ibu dan alamat tinggal adalah kepunyaan pemilik kad yang masih sah tetapi tidak aktif (*dormant*).²⁵

Setelah memperolehi maklumat sulit tersebut, sindiket kemudian membuat panggilan kepada 'Card Centre' dan beritahu bahawa kadnya telah hilang dan minta pihak bank menggantikannya dengan kad baru. Penggantian kad diluluskan oleh bank setelah sindiket tersebut dapat memberikan maklumat-maklumat sulit yang bersamaan dengan butir-butir sulit kepunyaan pemilik sebenar. Dengan itu

²⁵ Supra 22

sindiket memperolehi kad kredit tulen dengan nombor akaun kepunyaan pemilik sebenar dan menggunakannya dengan bebas hingga mencapai had limit kredit.

(vv) Mail Order and Telephone Order (MOTO)

Individu atau sindiket setelah memperolehi secara tidak sah, nombor akaun kad kredit orang lain dengan mudah membuat pembelian barangan melalui pesanan pos atau telefon serta internet kerana pembelian dengan cara yang sedemikian hanya perlu memberikan nombor akaun kad kredit kepada syarikat jualan yang berkenaan dan barangan yang dibeli dihantar ke alamat seperti yang diberikan.

(x) Penyamaran Diri (*Identity Takeover*)

Orang tempatan menyamar sebagai pelancong dari luar negara dengan menggunakan pasport antarabangsa palsu negara lain bagi membolehkan beliau menggunakan kad kredit berjalur magnetik yang telah di klonkan. Contohnya rakyat tempatan menunjukkan pasport antarabangsa (palsu) sebuah negara, yang bersesuaian dengan rupa parasnya, kepada pekedai semasa menggunakan kad kredit klon berjalur magnetik dalam transaksi urusan pembelian barangan. Ini memandangkan kerajaan Malaysia masih membenarkan warganegara asing (pelancong) membuat pembelian dengan menggunakan kad kredit luar negara yang masih menggunakan jalur magnetik.

(xi) Pedagang Atau Pekedai Bersubahat Dengan Sindiket.

2.2 Pedagang atau pekedai bersubahat dengan pemilik kad tulen atau sindiket dengan membuat transaksi kosong yang mana barang tidak dijual tetapi kemudiannya membuat tuntutan pembayaran palsu daripada pihak bank. Pihak bank biasanya membuat pembayaran keatas tuntutan tersebut kepada peniaga itu dalam tempoh dua hari.

(xii) Pekerja Bersubahat Dengan Sindiket

Cara lain yang biasa digunakan oleh sindiket-sindiket ini ialah dengan menggunakan "skimmer" dan mencuri butiran maklumat pemilik kad kredit dengan menggunakan cip khas yang dipasang pada Mesin Merekodkan Data Elektronik (EDR) yang digunakan untuk mengcaj kad kredit sewaktu transaksi pembelian dan pembayaran dibuat.

(xiii) Subabat Dengan Pekerja Syarikat Penghantar Cepat

Ahli sindiket telah berpakat dengan pekerja syarikat Penghantar Cepat (Express Courier) iaitu syarikat yang mana bank mendapatkan perkhidmatan penghantaran kad kredit daripada bank kepada pemilik kad. Sampul-sampul surat tersebut dibuka terlebih dahulu oleh sindiket dan mencuri data-data yang terdapat didalam cip.

2.2 Kesan – Kesan Kad Kredit dan kepada Ekonomi Malaysia

Kesan kepada ekonomi Malaysia dapat dilihat dalam beberapa aspek. Setiap aspek akan diterangkan secara mendalam. Kesan kesannya secara keseluruhannya adalah negatif. Antara kesan kesan frod kad kredit adalah :

- (i) Kerugian pada matawang Malaysia
- (ii) Institusi – Institusi Bank menjadi mangsa dan mengalami kerugian
- (iii) Kemungkinan kenaikan pada peratusan, faedah dan perkhidmatan bank
- (iv) Pemegang Kad Kredit atau tuannya berhadapan dengan tindakan Mahkamah atau Muflis.
- (v) Ketidak kawalan jenayah kolar putih dalam frod kad kredit

2.2.1 Kerugian pada matawang Malaysia

Secara amnya, bila berlaku frod kad kredit, ini bermakna pengeluaran matawang Malaysia (ringgit) berlaku. Pihak pihak bank akan mengeluarkan mata wang secara kredit kepada pemegang kad kredit atau seseorang yang menggunakan kad kredit tersebut. Apabila diketahui bahawa pengeluaran wang tersebut secara kredit tidak dapat dikembalikan kerana melibatkan jenayah frod kad kredit, matawang Negara yang dikeluarkan telah diberikan kepada penjenayah. Ini melibatkan ribuan dan jutaan ringgit dan akhirnya akan merugikan pihak Bank dan Malaysia.²⁶ Ini dapat dilihat daripada statistic yang dibekalkan pada Bab 1 dimana jumlah kerugian adalah besar berbanding tahun sebelumnya.

²⁶ <http://www.bnm.gov.my> dilayari pada 25 Mei 2010

2.2.2 Institusi – Institusi Bank menjadi mangsa dan mengalami kerugian atau Mullah

Ini adalah berhubung dengan isu di atas. Pihak institusi bank bank pasti mengalami keadaan yang sukar sekiranya matawang dan duit yang diberikan secara kredit didapati frod kad kredit. Pihak bank tidak akan dapat mendapatkan semula duit tersebut dan ini telah merugikan pihak bank. Dengan satu temubual dengan pegawai bank, didapati, pihak bank menghadapi masalah yang sukar ditangani kerana tidak terdapat satu mekanisma yang menekankan tentang kepenggunaan kad kredit yang tulen dan yang dipalsukan. Oleh yang demikian, kesan ini akan menyebabkan pihak bank meningkatkan faedah dan peratusan kepada aspek lain untuk menyelaraskan semula kerugian yang dialami. Ini menyebabkan ekonomi Malaysia dan rakyat terjejas secara keseluruhannya.²⁷

2.2.3 Kemungkinan kenaikan pada peratusan dan caj caj perkhidmatan agensi bank

Kerana terdapatnya kerugian pada pihak bank, bank tidak boleh hanya mengenakan faedah yang tinggi kepada pelanggan pelanggannya. Tetapi, pengurangan pada skim skim yang lain serta pada faedah untuk menyelaraskan semula kerugian yang dialami oleh pihak Bank berlaku di sini. Bank juga akan mengenakan caj caj yang tinggi yang akan menjejaskan pelanggan pelanggan dan ekonomi secara keseluruhannya.

²⁷ Bank Negara "An overview of Malaysia Financial System", Seminar Bank Negara 2005.

2.2.4 Pemegang Kad Kredit atau tuannya berhadapan dengan tindakan Mahkamah atau Muflis.

Apabila berlakunya satu frod kad kredit, pihak bank hanya akan ketahui sekiranya pemegang yang tulen melaporkan pada pihak polis dan pihak bank. Walaupun demikian, hutang kepada pihak Bank yang tercatat adalah di antara bank dan pemegang kad kredit yang tulen. Oleh itu, pihak bank mungkin akan mengheret pemegang kad kredit ke Mahkamah atau menjadikannya muflis. Ini akan menyebabkan seorang pemegang kad kredit muflis dan tidak dapat menjadi tuan punya sebarang harta.

Oleh yang demikian, ini akan menyebabkan seorang yang muflis tidak dapat membeli hartanah ataupun sebarang benda secara tuan punya. Ini menyebabkan ekonomi Negara terjejas secara keseluruhannya apabila dilihat pada kadar pemegang kad kredit yang muflis secara keseluruhannya.

2.2.4 Ketidak kawalan jenayah kolar putih dalam frod kad kredit

Ketidak kawalan jenayah kolar putih ini akan menyebabkan pelancong pelancong di Negara takut dan getar untuk mengunjungi Malaysia. Ini kerana mereka mungkin akan menjadi seorang mangsa sekiranya sindiket sindiket tertentu mendapatkan maklumat mereka. Ini akan menjejaskan ekonomi dan industri pelancongan secara keseluruhannya dan jenayah kolar putih yang menular. Oleh yang demikian adalah sukar untuk mengembalikan reputasi Negara dan ekonomi sekiranya ianya dijejaskan oleh jenayah kad kredit.

2.3 Kesimpulan

BAB 3

Secara kesimpulannya, penggunaan kad kredit secara frod dan pemalsuannya akan menyebabkan banyak implikasi dan kesan yang negative. Daripada yang dilihat di atas, penulis dapat menyatakannya sebagai "chain of causation" dimana kesan kesan yang dialami nanti oleh jenayah Frod Kad Kredit ini adalah berkesinambungan dan "related to one another". Oleh yang demikian, jenayah kad kredit bukan sahaja dapat menyebabkan defisit kepada Negara tetapi kepada individu tersendiri.

Jenayah kolar putih seperti ini tidak sepatutnya diambil ringan dan hanya menutup satu mata kerana, peningkatan jenayah ini adalah sukar ditangani pada masa yang kritikal. Mengikut statistic yang dibekalkan oleh PDRM, penulis berpendapat bahawa penigkatan yang drastik dari tahun 2005-2009 adalah kritikal di Malaysia buat masa ini.

Ini menunjukkan bahawa pihak polis cuba mengawal dan mengatasi masalah ini pada setiap masa. Tetapi sindiket sindiket tertentu adalah lebih gemar teknologi untuk menggunakan teknik teknik terbaru dan peralatan yang canggih. Pihak polis juga berdepan dengan sindiket antarabangsa dan bukannya tempatan. Sindiket sindiket ini mendapatkan bantuan daripada pihak antarabangsa dan ini mengancam pihak polis pada masa masa tertentu.

Kelisa Jabatan Disiplin Jenayah Komersial Ibu Pejabat Polis Kodinjen (IPK) Pulau Pinang, Asisten Komisioner Ruzika Chai berkata, Polis Malaysia dan Thailand sedang berunding untuk usaha menubuhkan jenayah siber. Ia termasuknya senhuan kad kredit stolen penrolkatan dalam kegiatan jenayah

¹² Masy Mui Khairi, (2011) 2012

BAB 3

3.0 Peranan Pihak Polis (PDRM), Agensi Agensi dan Insituti Bank Bank dalam menangani jenayah frod kad kredit dan ekonomi.

3.1 Peranan Polis Diraja Malaysia

Pihak Polis telah membuat beberapa siri tangkapan dan cuba memberikan petunjuk petunjuk yang mencukupi untuk pemegang kad kredit daripada terjerumus dalam sindiket dan menjadi mangsa kad kredit. Dalam pada itu, pihak polis senantiasa membuat pantauan dan mengekori penjenayah kad kredit untuk menumpaskan sindiket ini. Akhbar utusan Malaysia pada 29 Mei 2010 melaporkan bahawa Polis berjaya melumpuhkan satu sindiket pemalsuan kad kredit yang meraih pendapatan lumayan mencecah RM1 juta selepas menahan empat lelaki dalam operasi khas yang dijalankan.²⁸

Ini menunjukkan bahawa pihak polis cuba mangawal dan mengatasi masalah ini pada setiap masa. Tetapi sindiket sindiket tertentu adalah lebih gemar sekarang untuk menggunakan teknik teknik terbaru dan peralatan yang canggih. Pihak polis juga berdepan dengan sindiket antarabangsa dan bukan sahaja tempatan. Sindiket sindiket ini mendapatkan bantuan daripada pihak antarabangsa dan ini menyukarkan pihak polis pada masa masa tertentu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang, Asisten Komisioner Roslee Chik berkata, Polis Malaysia dan Thailand sedang berusaha meningkatkan usaha membanteras jenayah siber, terutamanya penipuan kad kredit ekoran peningkatan dalam kegiatan jenayah

²⁸ Malay Mail, Khamis, Jun 11, 2009

yang berkaitan dengan kemudahan internet itu yang membabitkan jutaan ringgit.²⁹ Ketua Polis Negara Tan Sri Musa Hassan telah meningkatkan usaha kedua-dua negara akan berkongsi maklumat risikan dan meningkatkan keupayaan operasi bagi mendapatkan lebih banyak maklumat berhubung modus operandi kumpulan-kumpulan berkenaan dan mengenal pasti kumpulan yang terlibat. Beliau telah berkata dalam akhbar Utusan Malaysia pada 12 November 2007 bahawa:

*"Kita hidup di dalam dunia global di mana maklumat internet bebas diperolehi di seluruh dunia. Ini membawa kepada penipuan internet di mana rakyat sesebuah negara kini boleh menawarkan peluang perniagaan kepada penduduk negara asing dengan niat menipu,"*³⁰

Ramai yang tertipu dengan janji-janji kekayaan oleh penipu yang menggunakan kemudahan internet ini bagi tujuan menjayakan penipuannya, antaranya termasuk kegiatan sindiket penipuan 'black money', 'penipuan Nigeria', penipuan kad kredit dan sebagainya, yang didedahkan oleh polis, membabitkan rakyat Malaysia mahupun Afrika. Dalam satu kes, polis Thailand menahan 18 rakyat Nigeria yang terbabit dalam penipuan internet di Bangkok yang juga telah melibatkan penipuan kad kredit.

Ramai yang tertipu disebabkan oleh sifat tamak dan ingin menjadi kaya dengan cara mudah. Dengan kerjasama yang baik serta perkongsian pengkalan data, mereka yang terbabit dalam kegiatan penipuan itu akan dapat dikenal pasti dan dibawa ke muka pengadilan. Merujuk kepada perbincangan dua hari yang berakhir semalam itu, kedua-dua negara bersetuju untuk meningkatkan

²⁹ New Strait Times, Jun 7, 2010

³⁰ Utusan Malaysia, 12 November 2007

kerjasama di samping merangka strategi bagi menangani jenayah merentasi sempadan terutamanya sindiket frod kad kredit.

3.2 Peranan Agensi Kerajaan dan Bukan Kerajaan

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) telah banyak menghulurkan bantuan kepada pemegang kad kredit dan senantiasanya memberikan kaunseling kepada pemegeng kad supaya lebih berhati hati. Pegawai AKPK, En. Suffian bin Mohammad telah berkata dalam temubual bahawa Walaupun kita tidak mahu berfikiran negatif,³¹ kita tidak akan mencegah masalah kewangan jika kita selalu mengendahkan realiti sebenar.³²

Kemerosotan ekonomi membuatkan ramai orang terdesak dan terjatuh dalam malapetaka kewangan. Hanya mereka yang telah membuat persediaan untuk menghadapi situasi yang kurang baik sebegini akan dapat bertahan di dalam suasana yang sukar. Apakah harus dibuat untuk mengelakkan diri kita daripada menjadi sebahagian dari angka statistik yang menyedihkan? Ini adalah sukar untuk diduga dan diatasi sekiranya jenayah frod kad kredit adalah bebas dan tidak diatasi.

3.3 Peranan Institusi Bank Bank Tempatan

Peranan Bank Bank sudah pastinya sangat penting bagi menangani kes kes penipuan kad kredit di Malaysia. Bank Negara telah melalui laman web, kempen serta iklan iklan melalui media telah cuba membawa penerangan kepada orang ramai serta pemegang pemegang kad kredit untuk berjaga jaga dan berwas was.

³¹ Temubual dengan En. Suffian, pegawai AKPK pada 19 Mei 2010

³² www.akpk.gov.my, dilayari pada 21 May 2010

³³Selain daripada itu, pihak bank yang mengeluarkan kad kredit sentiasa memberikan dan memberikan perkhidmatan 24 jam kepada pemegang kad kredit untuk melaporkan kepada bank sekiranya terdapat penggunaan kad kredit yang tidak sah dan bukan oleh pemegang ataupun tuan punya. Walaupun demikian, ia bukan mudah untuk membanteras jenayah kad kredit dengan mudah kerana jenayah ini dilakukan tanpa pemegang kad kredit sedar akan penggunaannya.

Walaupun demikian, pihak bank telah berkali kali dan cuba membanteras penggunaan tersebut melalui beberapa cara. Salah satu caranya adalah dimana ada sesetengah pihak bank yang menghubungi pemegang kad kredit selepas satu transaksi dilakukan. Ini dapat mengenalpasti sekiranya terdapat transaksi yang dilakukan dengan tidak sah.

³³ Bank Negara "An overview of Malaysia Financial System", Seminar Bank Negara 2005.

BAB 4

4.0 Undang undang dan Penguatkuasaan terhadap Jenayah Frod Kad Kredit

4.1 Undang undang dan Penguatkasaannya di Malaysia

Kes-kes penyelewengan dalam penggunaan kad kredit yang semakin berleluasa. Isu pertama yang dapat dikupas oleh penulis adalah isu berkaitan kecurian. Di dalam kes ini, kegiatan mencuri data kad kredit adalah semakin berleluasa dalam pelbagai transaksi seperti urusan tempahan syarikat penerbangan, penginapan hotel, pakej pelancongan dan pembelian komputer serta peralatan elektrik.³⁴

Jika dilihat pada kes kes kad kredit yang digunapakai secara frod, kecurian yang terlibat adalah berkaitan kecurian maklumat pemilik kad kredit berkenaan. Kecanggihan teknologi sindiket pemalsuan kad kredit ini telah membekalkan juruwang dengan alat pengimbas data yang canggih dan lebih kecil dari saiz kotak rokok 20 batang untuk meleretkan kad kredit mangsa. Kemudian, data tersebut akan dihantar kepada sindiket melalui pelbagai cara seperti email dan sms untuk mengklonkan kad kredit atau membuat tempahan online. Hal ini menunjukkan bahawa jenayah curi telah dilakukan oleh pihak yang mengambil data yang rahsia berkaitan kad kredit itu tanpa keizinan pemilik kad kredit tersebut.

Menurut Seksyen 403 Kanun Keseksaan yang berkaitan menyalahgunakan harta dengan curang, memperuntukkan bahawa '*Barangsiapa dengan curangnya*

³⁴ Steven K.C Poh, "For want of law and order", Malaysian Business, November 1991

menyalahgunakan atau menjadikan bagi kegunaannya sendiri atau menyebabkan mana-mana orang melupuskan apa-apa **harta** hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh tidak kurang dari enam bulan dan tidak lebih dari lima tahun dan dengan sebat dan bolehlah juga dikenakan denda³⁵. Kesalahan menyalahgunakan harta dengan curang tidak perlu diambil dari pemilikan mangsa, cukup sekadar harta itu telah disalahgunakan dengan curang oleh penjenayah. Oleh itu, perbuatan menyalahgunakan harta dengan curang merujuk kepada perlakuan menggunakan harta yang bukan harta kepunyaan sendiri malah harta orang lain untuk faedah dan kegunaan sendiri.

Perkataan 'harta' di sini menurut Akta Intrepetasi mencakupi harta alih dan juga harta tidak alih. Oleh yang demikian, kecurian maklumat kad kredit milik pemilik kad kredit tersebut boleh diklasifikasikan sebagai curi yang melibatkan data-data yang tidak dapat dilihat secara zahir. Jika jenayah curi maklumat atau data dalam komputer boleh berlaku dengan menggunakan komputer, maka adalah tidak mustahil bahawa jenayah menyalahgunakan harta dengan curang juga boleh berleluasa menggunakan komputer. Sehubungan itu, sesiapa yang bertanggung melakukan jenayah ini boleh diseksa dengan penjara selama tempoh tidak kurang dari enam bulan dan tidak lebih dari lima tahun dengan sebat dan denda.

Selain itu juga, elemen jenayah pecah amanah dalam kategori kecurian ini juga telah timbul. Hal ini adalah apabila kebanyakan kes kecurian data kad kredit membabitkan penjualan nombor kad bersama CVV (nombor tiga digit pengesahan nilai kad) kepada sindiket atau pihak pengguna data curi itu oleh

³⁵ Kanun Keseksaan (Akta 574)

juruwang baik di pusat hiburan, restoran, pusat tumpuan pelancong hingga ke pasar raya. Malah ada juruwang bersubahat dengan sindiket pemalsuan kad kredit dengan mendapat upah RM2 bagi setiap slip jualan yang mencatatkan nama, tarikh tamat tempoh kad kredit selain catatan tambahan nombor CVV manakala di pusat hiburan upah juruwang boleh mencapai RM50 setiap akaun. Jika dikaitkan dengan kes di atas, juruwang yang bekerja dengan pusat membeli belah mahupun pasar raya tersebut mempunyai amanah yang perlu dijaga terhadap pihak majikan mereka.

Seksyen 405 Kanun Keseksaan telah memperuntukkan tentang jenayah pecah amanah. Perkataan 'amanah' dalam peruntukkan ini merujuk kepada semua keadaan di mana seseorang telah diamanahkan itu menyalahgunakan atau menjadikan harta itu seperti kepunyaannya sendiri, maka ia boleh didakwa dengan pecah amanah di bawah seksyen ini. Peruntukkan ini dapat diilustrasikan dalam kes *Gan Beng v Pendakwa Raya [1938] FMSLR 318*. Orang yang dituduh dalam kes ini telah meminjam sebuah basikal daripada mangsa dan tidak memulangkannya kepada mangsa sebagaimana yang dijanjikan. Hakim Murray-Aynsley memutuskan bahawa si tertuduh bersalah melakukan pecah amanah kerana transaksi pinjaman yang berbentuk *bailment* sedemikian juga adalah terjumlah kepada suatu amanah, dan si tertuduh telah menyalahgunakan harta amanah tersebut dengan tidak memulangkan harta itu sebagaimana yang dijanjikan.

Oleh yang demikian, elemen persubahatan adalah terpakai di dalam kes ini yang juga telah diperuntukkan di dalam Seksyen 7(1) Akta Jenayah Komputer 1997. Jika dirujuk pada peruntukkan Kanun Keseksaan, perbuatan persediaan

melakukan jenayah sahaja tidak tertakluk pada melakukan jenayah, namun begitu jika dibandingkan dengan Akta Undang-Undang Siber, persediaan melakukan jenayah itu sudah termasuk pada kesalahan jenayah.

Selain itu juga, elemen pemalsuan juga telah wujud dalam kes ini. Jenayah pemalsuan menggunakan komputer ini biasanya melibatkan penggunaan kata laluan. Dalam kes ini, jenayah pemalsuan telah dilakukan oleh sindiket kad kredit yang menggunakan kata laluan orang lain tanpa keizinan tuan punya sama ada mendapat capaian biasa kepada sesuatu komputer atau untuk mendapatkan perkhidmatan percuma tanpa bayaran (kerana tuan punya kata laluan itu akan bertanggung membayar perkhidmatan yang digunakan) atau melarikan diri daripada tanggungan tertentu seperti hutang kad kredit tersebut. Ianya telah diperuntukkan di dalam Seksyen 463 Kanun Keseksaan yang berkaitan tentang pemalsuan. Tambahan pula, perkataan 'suratan palsu' yang terdapat dalam peruntukkan di atas adalah merujuk kepada maksud dokumen palsu yang saling berkait dengan kes pemalsuan kad kredit di dalam kes yang dibincangkan di sini.³⁶

4.2 Akta Perlindungan Data Peribadi³⁷

Data atau Maklumat peribadi adalah apa juga maklumat atau data yang mana maklumat sendiri seseorang individu yang hidup dapat dikenalpasti, sama ada melalui maklumat itu sendiri ataupun melalui maklumat-maklumat lain yang diproseskan oleh pengawal maklumat atau data. Sebarang maklumat sama ada nama, alamat, alamat e-mel, nombor telefon, serta maklumat perhubungan

³⁶ Kanun Keseksaan (Akta 574)

³⁷ Akta Perlindungan Data Peribadi 2009

umum, maklumat atau data peribadi termasuklah imej-imej di dalam filem (cth. imej-imej di dalam Kamera litar tertutup), gambar-gambar foto dan rakaman suara telefon.

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-Undang Perlindungan Data Peribadi 2009 yang bertujuan mengelakkan data peribadi seseorang digunakan oleh pihak lain untuk tujuan komersial. Mana-mana pihak yang menyalahgunakan data berkenaan boleh dikenakan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda RM200,000 atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.³⁸

Akta Perlindungan Data Peribadi digubal bagi menjamin kerahsiaan data peribadi seseorang selain memastikan data tersebut tidak disalah gunakan oleh mana-mana pihak tidak bertanggungjawab. Dalam undang-undang ini data tidak boleh disimpan lama, habis tujuan asal data harus dilapuskan. Jika tidak pesuruhjaya yang mengetuai Suruhanjaya Data Peribadi berhak menuntut perkara itu dilaksanakan.

Oleh itu, seseorang individu yang mengesyaki datanya telah dimanipulasi atau digunakan di luar tempoh yang dibenarkan boleh meminta Suruhanjaya Perlindungan Data Peribadi membuat siasatan. Di samping itu orang ramai boleh merayu kepada sebuah tribunal yang akan ditadbir mengikut undang-undang khusus di bawah akta ini sekiranya mereka tidak puas hati dengan pengendalian sesuatu data itu.

Kerajaan juga katanya telah mengambil langkah-langkah perlu bagi memastikan

³⁸ Akta Perlindungan Data Peribadi 2009

data peribadi seseorang itu tidak diceroboh. Undang-undang ini adalah berkaitan dengan matlamat kita supaya latar belakang elektronik yang menguasai kehidupan kita hari ini dapat memberi kesan terbaik menerusi perdagangan khususnya e-dagang dan e-niaga.

Satu kaji selidik Sikap pengguna yang dikeluarkan oleh Visa International pada 2006 mendedahkan bahawa kecurian atau kehilangan maklumat peribadi atau kewangan merupakan kebimbangan utama di kalangan pengguna seluruh dunia dengan 64 peratus melahirkan kebimbangan terhadap kejadian itu.

Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim ketika menggulung perbahasan rang undang-undang itu telah menyatakan bahawa perlunya satu mekanisma dimana keperluan untuk mengawal selia pemrosesan data peribadi demi meningkatkan keyakinan pengguna dalam ekonomi global semasa.³⁹

Dalam Rang undang undang tersebut itu juga, Seorang Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi akan dilantik untuk melaksanakan peruntukan dalam rang undang-undang ini termasuk memantau aktiviti perkhidmatan maklumat kredit oleh syarikat-syarikat seperti Credit Tip Off Service Sdn. Bhd. (CTOS).

Data-data yang dilarang digunakan untuk tujuan komersial turut melibatkan yang dikumpulkan daripada sumber mahkamah dan notis muflis yang disiarkan dalam media cetak. Data yang dilindungi berkenaan turut melihat hal-hal sensitif termasuk berkaitan maklumat kesihatan, keadaan fizikal dan mental, pendapat politik dan kepercayaan agama.

³⁹ Malay Mail, Khamis, Jun 18, 2009

Dalam pada itu, Rang undang-undang berkenaan tidak terpakai terhadap Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri. Ini kerana kerajaan perlu mengumpul pelbagai jenis data peribadi untuk tujuan pentadbiran dan membuat tuntutan undang-undang. Jika wujud halangan kepada kerajaan Pusat dan negeri untuk mengumpul data peribadi, ia sudah pasti akan menimbulkan kerumitan kepada urusan pentadbiran.

Dalam pada itu, sekiranya data peribadi itu dalam bentuk khidmat pesanan ringkas (SMS) dan mesej multimedia (MMS), kerajaan akan turut mengambil tindakan di bawah akta lain yang berkaitan termasuk Akta Multimedia dan Komunikasi 1998. Sementara itu pada sidang akhbar, Rais berkata, CTOS dikehendaki mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2009 bagi menjamin privasi rakyat Malaysia.

CTOS juga perlu mendapatkan persetujuan daripada individu tersebut sama ada mereka mahu data peribadi disimpan dalam sistem agensi tersebut atau tidak. Malaysia merupakan negara pertama di kalangan negara ASEAN yang mengemukakan undang-undang seperti ini. Jelasnya, akta berkenaan akan memberi perlindungan khusus bagi transaksi-transaksi yang melibatkan data peribadi masing-masing seperti perniagaan. Contohnya, jika syarikat menyimpan data peribadi kita seperti jenis darah, kesihatan, kepercayaan tanpa pengetahuan dan persetujuan individu, ia adalah salah. Kecuali syarikat dapat persetujuan daripada individu terbabit.

Rang undang undang ini akan digunapakai dalam menangani kegiatan perbuatan frod kad kredit dan membawa penjenayah tersebut ke muka pengadilan. Walaupun undang undang tersebut telah diluluskan, ianya hanya

menunggu masa untuk dikuatkuasakan. "Sekiranya akta ini dikuatkuasakan, maka perdagangan komersial menerusi e-dagang dan e-niaga akan bertambah selain menjadikan Malaysia sebagai pusat perniagaan yang berasaskan ilmu dan juga elektronik di samping memberi jaminan keselamatan data yang berintegriti.

BAB 5

5.0 Kesimpulan dan Cadangan

5.1 Memupuk Tahap Kesedaran

Pengguna perlu mempunyai tahap kesedaran yang tinggi untuk sentiasa melindungi kad-kad kredit mereka seumpama melindungi wang tunai kepunyaan mereka. Bergantung kepada dasar bank pengeluar, pengguna kad mungkin di pertanggungjawabkan keatas kerugian yang melibatkan kad yang hilang tetapi lambat atau tidak melaporkan kepada bank. Oleh yang demikian pengguna mesti dengan segala daya upaya dan segera membuat laporan jika kehilangan kad bagi membatalkan transaksi dan mendapatkan kad gantian.

Pada masa yang sama, institusi kewangan juga perlu sentiasa peka dengan modus operandi semasa penipuan kad kredit dan terus berusaha untuk mencipta teknologi kad kredit yang baru yang lebih selamat agar menjadikannya lebih susah untuk dicerobohi oleh penipu kad kredit. Walau bagaimanapun, cara yang paling berkesan ialah berbalik kepada pengguna untuk menjaga kad mereka dengan baik pada setiap masa. Beberapa langkah berkesan untuk menimbulkan kesedaran kepada pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penggunaan kad kredit telah dan boleh dilakukan melalui tindakantindakan berikut:-

5.1.1 Kempen / Pameran

Pada bulan November 2005, dengan liputan yang luas, Bank Negara Malaysia telah mengadakan forum dan pameran berkenaan sistem pembayaran secara elektronik yang membabitkan institusi kewangan dan peniaga serta orang ramai untuk menggalakkan perpindahan kepada pembayaran secara elektronik. Walaupun demikian, kempen kesedaran dengan memberikan pengguna kad kredit betapa pentingnya menyimpan dan melaporkan kepada pihak berkuasa adalah penting. Kempen seperti ini dari semasa ke semasa sudah pasti dapat menjadi pendorong kepada mekanisma menangani frod kad kredit. Kempen seperti ini patut diteruskan.⁴⁰

5.1.2 Mesyuarat Dengan Peniaga

Bank Negara Malaysia juga menyediakan platform untuk membincangkan isu dan cabaran dalam perpindahan kepada pembayaran secara elektronik dan untuk meningkatkan kesedaran peniaga tentang pelbagai saluran pembayaran, produk dan inovasi.

5.1.3 Panduan Kepada Peniaga

Memberi panduan kepada peniaga supaya memastikan setiap urusan dan pengendalian kad kredit pelanggan mereka dilakukan oleh kakitangan yang mempunyai pengetahuan tentang kad kredit palsu dan berhati-hati kepada kad

⁴⁰ Seminar Antarabangsa, paper presentation, "Detecting and Preventing Fraud in Plastic Cards and Payment System", Mastercard International, 6 January 2003

kredit yang masih sah tempoh. Tandatangan oleh pengguna pada slip draf jualan mesti sama dengan tandatangan yang terdapat pada bahagian belakang kad. Ini adalah untuk mengelak daripada berlaku penipuan dalam transaksi. Sekiranya terdapat sebarang kecurigaan, tindakan cepat haruslah diambil dengan menghubungi pihak bank atau polis. Bagi pelancong dari luar negara, mereka mesti tunjukkan pasport terlebih dahulu sebelum transaksi kad kredit mereka dilakukan.

5.1.5.2 Panduan Mengguna Keselamatan Kad Kredit

5.1.4 CCTV Bagi Semua Peniaga

Pengguna hendaklah menandatangani dibahagian belakang kad kredit sebelum CCTV harus dipasang oleh peniaga yang menerima transaksi pembayaran dengan kad kredit agar rakaman dapat dilihat bagi mengenalpasti saspek yang melakukan penipuan kad kredit dikedai mereka.

5.1.5 Phamlet

Kesedaran kepada pengguna-pengguna kad kredit agar sentiasa berjaga-jaga daripada menjadi mangsa penipuan boleh dipertingkatkan dengan mengedarkan phamlet-phamlet yang mengandungi maklumatmaklumat yang berguna kepada mereka seperti berikut:-

5.1.5.1 Pencegahan Penipuan Kad Kredit

Bank Negara Malaysia telah seringkali memberi ingatan kepada pengguna kad bahawa gejala penipuan kad kredit adalah satu ancaman kepada pengguna. Penipuan kad kredit boleh mengakibatkan pengguna dan bank pengeluar kad

kredit mengalami kerugian besar. Pengeluar kad kredit sentiasa mengambil sikap berwaspada terhadap komplot penipuan kad dan telah mengambil langkah-langkah keselamatan untuk melindungi pengguna daripada kemungkinan berlakunya penipuan sedemikian. Walau bagaimanapun, pengguna juga harus mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengurangkan risiko menjadi mangsa penipuan.

5.1.5.2 Panduan Menjaga Keselamatan Kad Kredit

Pengguna hendaklah menandatangani dibahagian belakang kad kredit sebaik sahaja ianya diterima dari bank pembayar. Peringatan dan Petunjuk yang diberikan oleh pihak Bank Negara harus diikuti dan dipatuhi setiap masa oleh Pemegang Kad Kredit. Antara Petua –petua dan petunjuk adalah :-

- Simpan kad kredit pada tempat yang sama di dalam dompet atau beg duit supaya, jika ia hilang atau dicuri, akan menyedarinya dengan serta-merta.
- Usah pinjamkan kad kepada sesiapa saja.
- Jangan berikan butir-butir kad kredit, contohnya nombor kad dan tarikh luput, kepada orang yang tidak dikenali kerana ada kemungkinan maklumat tersebut digunakan untuk membuat pembelian melalui telefon, pos atau Internet.
- Hafal nombor PIN dan Jangan catatkan nombor PIN tersebut di belakang kad, menyimpannya di dalam dompet atau mendedahkannya kepada orang lain.
- Simpan nombor telefon pengeluar kad kredit supaya dapat menghubunginya dengan serta-merta untuk melaporkan sebarang kehilangan / kecurian kad, urusniaga tanpa kebenaran atau pendedahan PIN kepada pihak ketiga.

- Pastikan memotong kad kredit yang telah luput kepada dua bahagian apabila menerima kad baru.

5.1.5.3 Semakan Urus Niaga Kad Kredit

Pemegang Kad Kredit harus meneliti dengan baik semua butir-butir pada transaksi sebelum menandatangani atau mengesahkan setiap transaksi yang dibuat. Semua slip transaksi disimpan dengan baik dan dibandingkan dengan penyata transaksi kad kredit sebaik sahaja ianya diterima. Maklumkan bank pengeluar kad kredit dengan sertamerta jika terdapat sebarang kesilapan atau kemungkinan berlaku transaksi tanpa kebenaran berhubung dengan kad kredit atau PIN dan diikuti oleh laporan bertulis. Tidak membuang dengan sewenang-wenangnya slip slip draf jualan (sale draft) yang sudah tidak diperlukan kerana terdapat data-data sulit diatasnya.

5.2 Cadangan

Cadangan ini diberikan oleh penulis atas alasan-alasan yang boleh dilihat. Justeru itu, setelah meneliti dan mengkaji jenis dan sebab serta implikasi penipuan kad kredit yang berlaku pada masa kini, jelas menunjukkan betapa ianya memberi impak yang tidak baik kepada institusi kewangan, pedagang dan juga pengguna.

Pada masa yang sama kumpulan sindiket yang terlibat dalam kegiatan penipuan kad kredit bermahajarela berbelanja dengan menggunakan wang kepunyaan orang lain. Oleh yang demikian, tindakan segera perlu diambil oleh semua pihak

5.2.4 samada secara langsung atau tidak langsung dalam industri kad kredit agar permasalahan ini dapat dibendung dengan lebih berkesan melalui :-

5.2.1 Pindaan (Semakan) Undang- Undang

Pinda undang-undang sedia ada yang telah ketinggalan (obsolete) serta tidak bersesuaian dengan perkembangan semasa kegiatan penipuan kad kredit. Misalnya dengan memasukkan Akta Perlindungan Data (Data Protection Act) bagi kesalahan memiliki data kepunyaan orang lain.

5.2.2 Ketatkan Kelulusan Memiliki Kad Kredit

Pihak pengeluar kad kredit perlu menjalankan tapisan yang ketat bagi setiap permohonan dengan mendapatkan butir-butir yang terperinci mengenai pemohon kad kredit seperti gambar sebelum kelulusan diberikan. Perkara bersabit promosi kad kredit yang berleluasa dan tanpa kawalan oleh pihak bank termasuk di pusat-pusat beli-belah turut disentuh oleh Menteri Kewangan Kedua semasa penggulungan bagi kementeriannya dalam persidangan Dewan Rakyat pada 3 April 2007.

Petikan:

"..... Tan Sri Nor Mohamed Yakcop menyatakan kerajaan mahu bank menghentikan tindakan mempromosi kad kredit secara agresif memandangkan pengeluarannya secara melampau tanpa kawalan boleh 'menjahanamkan satu generasi'. Untuk itu satu perbincangan akan diadakan dengan institusi perbankan dalam tempoh terdekat bagi mencari pendekatan terbaik mengawal dan menangani masalah berkenaan. Secara keseluruhan dari semua permohonan yang diterima, pihak bank meluluskan 48 peratus daripadanya iaitu daripada dua yang memohon hanya seorang sahaja diluluskan"

5.2.4 Kamera Keselamatan (CCTV)

Disetiap kaunter premis perniagaan yang mempunyai pembayaran melalui kad kredit perlu dipasang kamera keselamatan (CCTV) bagi memudahkan pengecaman dibuat terhadap pelaku dalam penipuan kad kredit. Dengan cara ini penjenayah penjenayah tersebut pasti dapat dikenali. Sebagai contoh, di kiosk kiosk petrol dimana kebanyakan penipuan dan penggunaan kad kredit dilakukan dengan cara ini. Sekiranya penjenayah tersebut menggunakan kad tersebut, sudah pasti CCTV tersebut dapat merakamkan segala perbuatan dan imej tersebut. Ini akan menyenangkan proses penyiasatan dan membawa seseorang itu ke muka pengadilan.

5.2.5 Undang-Undang Yang Lebih Keras

Pihak kerajaan perlu menggubal undang-undang yang menetapkan hukuman yang lebih keras diatas sabitan kesalahan penipuan kad kredit agar ianya dapat memberi perasaan gerun serta pengajaran kepada sesiapa yang sedang bergiat atau berniat hendak melakukan kesalahan yang sama.

5.2.6 Ciri Keselamatan Kad Kredit

Ciri-ciri keselamatan tambahan kad kredit berchip ditambah dengan nombor PIN seperti yang telah diimplimentasikan di United Kingdom perlu dilakukan oleh pengeluar kad kredit tempatan.

5.2.7 Pengetahuan

Penerangan yang jelas serta scenario pemalsuan dan penipuan kad kredit perlu diberikan kepada pengusaha-pengusaha perniagaan agar mereka mendapat pengetahuan mengenainya dan seterusnya dapat bersama-sama mengorak langkah bersama-lama lain pihak dalam mencegah kegiatan penipuan kad kredit. Dengan pengetahuan yang diperolehi itu mereka dapat pula melatih dan memberi penerangan kepada pekerja-pekerja mereka dengan informasi terbaru mengenai penipuan dan pemalsuan kad kredit.

Dengan latihan pekerja mereka akan dapat mengesan sekiranya terdapat penipuan atau penggunaan kad kredit palsu. Memberi penerangan kepada pekerja mereka tentang hukuman atau tindakan sekiranya didapati mereka bersubahat atau berkompromi dengan ahli sindiket dalam menyalurkan maklumat atau data pemegang kad. Tidak menerima tempahan melalui internet kecuali maklumat penuh mengenai alamat sebenar diperolehi termasuk nombor telefon.

5.3 Kesimpulan

Industri kad kredit adalah sangat menguntungkan bagi pihak bank sebagai pembayar dan juga pengeluar kad kredit seperti Visa, MasterCard atau sebarang kad plastic yang menghulurkan duit secara hutang atau kredit. Bagi pemilik kad pula ia amat menyenangkan mereka kerana tidak perlu membawa duit tunai yang banyak (cashless society) semasa keluar dari untuk membeli-belah dan ini adalah satu langkah yang selamat kerana dapat menghindarkan diri daripada menjadi mangsa kecurian dan rompakan.

Walaupun demikian orang ramai yang menggunakan kad kredit perlu berbelanja dengan berhemah supaya tidak menanggung hutang yang banyak dengan pihak bank yang mengenakan caj faedah yang agak tinggi iaitu pada kadar maksimum kurang daripada 17.5 peratus setahun atau 1.5 peratus sebulan. Pada masa kini belum terdapat undang-undang yang membolehkan tindakan diambil terhadap seseorang yang memiliki data data nombor akaun kad kredit yang disimpan dalam berbagai-bagai bentuk seperti kad memori dalam komputer atau komputer riba, SIM Card dalam telefon bimbit atau yang ditulis tangan atas kertas.

Kerajaan perlu dengan segera menguatkuasakan undang-undang seperti Akta Perlindungan Data (Data Protection Act) bagi melindungi perbuatan mencuri data-data. Adalah diharapkan tindakan yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengawal kuantiti memiliki kad kredit akan dapat mengurangkan peluang kepada sindiket untuk melakukan pemalsuan kad kredit.

Kefahaman dan kerjasama diantara pihak polis dengan pihak yang terlibat dengan industri kad kredit dalam menangani permasalahan penipuan kad kredit perlu berterus-terusan untuk duduk bersama bagi membincangkan tindakan

Bahan Rujukan

1. Dr. ...
2. Ed ...
Department of Justice, 1975
3. Merlon, R.K. "Social Union and Social Structure", New York, Free Press, 1962
4. Michael J. Auerhama & Robert S. Coley, "Bankcard Business", 1962
5. Sutherland, E.H. and Cressey, D.R. "Criminology", Philadelphia : Lippincott, 1975.
6. Bank Negara, "An overview of Malaysia Financial System", Seminar Bank Negara, 2005
7. Steven K.C.Peh, "For want of law and order", Malaysian Business, November 1991
8. Peter Bunning, paparan dan kertas seminar bertajuk "Syndicated Counterfeit Credit Card Manufacturer", Seminar Fraud Prevention pada 14 - 17hb November 1994
9. Seminar Antanbahages, paper presentation, "Detecting and Preventing Fraud in Plastic Cards and Payment System", Mastercard International, 9 January 2003
10. Hidir Yahya, "Legal and Institutional Control in Contact Card Industry", Seminar Bank Negara, 11 February 1993
11. Yusof Nook, Supt. Economic Crime - Trend and Analysis in Malaysia' Bank Negara, Ogos 1992

Keratan Akhir

Malay Mail, Jumaat, June 12, 2009

Malay Mail, Thursday, June 14, 2009

Malay Mail, Khamis, July 18, 2008

New Strait Times, July 7, 2010

Utusan Malaysia, 13 November 2007

BIBLIOGRAFI

Bahan Rujukan

1. Druru A.C. & Ferrier C.W. "Credit Card" London 1984
2. Edelherte H. "The Nature, Impact and Prosecution of White Collar Crime", U,S, Department of Justice, 1970
3. Merton, R.K. "Social Theory and Social Structure", New York : Free Press, 1949
4. Michael J. Auriemma & Robert S.Coley. "Bankcard Business", 1992
5. Sutherland, E.H. and Cressey, D.R. "Criminology" Philadelphia : Lippincolt. 1976.
6. Bank Negara "An overview of Malaysia Financial System", Seminar Bank Negara 2005.
7. Steven K.C Poh, "For want of law and order", Malaysian Business, November 1991
8. Peter Bunning, petikan dari kertas seminar bertajuk "Syndicated Counterfeit Credit Card Manufacturer", Seminar Fraud Prevention pada 14 – 17hb November 1994
9. Seminar Antarabangsa, paper presentation, "Detecting and Preventing Fraud in Plastic Cards and Payment System:, Mastercard International, 6 January 2003
10. Hidzir Yahya, "Legal and Institutional Control in Context Card Industry:, Seminar Bank Negara, 11 February 1993
11. Yusof Nook, Supt. Economic Crime – Trend and Analysis in Malaysia" Backbench, Ogos 1992.

Keratan Akhbar

Malay Mail, Jumaat, June 12, 2009

Malay Mail, Khamis, Jun 11, 2009

Malay Mail, Khamis, Jun 18, 2009

New Strait Times, Jun 7, 2010

Utusan Malaysia, 12 November 2007

Undang Undang

Kanun Keseksaan (Akta 574)

Akta Komuikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588)

Akta Jenayah Komputer 1997 (Akta 563)

Rujukan Internet

<http://www.bernama.com/kpdnhep/news>

<http://www.bnm.gov.my>

<http://www.consumer.com.my>

<http://www.consumer.com.my/resources/rscs/plugins/print/print.php?itemid=3>

<http://www,kkdn.gov.my/KKDNPortal>

<http://www.lebah.wordpress.com>

<http://www.online@utusan.com.my>

STATISTIK KES KAD KREDIT BAGI TAHUN 2005

Lampiran 1

KONTINJEN	JUM. KES	JUM. KERUGIAN	JUM. TANGKAPAN	JUM. RAMPASAN	JUM.TUDUH DI MAHKAMAH	SEKSYEN TUDUHAN
JOHOR	5	RM 3421.24	4	4	3	420 KK
KEDAH	9	RM 37,640.64	2	2	2	420/403/406 KK 4 AJK
KELANTAN	1	RM 12,000.00	-	2	-	-
TERENGGANU	5	RM 13,952.96	0	0	0	0
N. SEMBILAN	-	-	-	-	-	-
PAHANG	2	RM 6515.40	1	2	1	474 KK
PERAK	-	-	-	-	-	-
PERLIS	-	-	-	-	-	-
PULAU PINANG	8	-	7	161	7	420/474 KK
MELAKA	6	7944.54	-	-	-	-
SELANGOR	21	RM 47,370.25	10	27	7	420/471//474 KK
KUALA LUMPUR	25	RM 713,572.08	22	28	11	420 KK
SABAH	9	RM24,498.17 USD 34,895.70	6	0	0	0
SARAWAK	4	RM 51,841.06	-	-	-	420 KK
JUMLAH	94		52	226	29	

STATISTIK KES KAD KREDIT BAGI TAHUN 2006

KONTINJEN	JUM. KES	JUM. KERUGIAN (RM)	JUM. TANGKAPAN	JUM. RAMPASAN	JUM.TUDUH DI MAHKAMAH	SEKSYEN TUDUHAN
JOHOR	9	RM18,696.76	7	26	4	420/474KK
KEDAH	9	RM50,127.59	1	11	1	420/471/474 KK
KELANTAN	1	RM 381.97	-	-	-	-
TERENGGANU	-	-	-	-	-	-
N. SEMBILAN	-	-	-	-	-	-
PAHANG	2	RM 3546.00	-	-	-	-
PERAK						
PERLIS						
PULAU PINANG	6	RM 5,124.00	9	222	6	420/474 KK
MELAKA	12	28660.79	1	18	-	-
SELANGOR	39	RM 100,785.00	8	161	4	474/420 KK
KUALA LUMPUR	18	RM 264,485.33	23	43	11	420/511 KK
SABAH	11	RM27,152.02	6	-	-	-
SARAWAK	8	RM 78,635.69	5	-	-	420 KK
JUMLAH	115		60	481	26	

STATISTIK KES KAD KREDIT BAGI TAHUN 2007

KONTINJEN	JUM. KES	JUM. KERUGIAN	JUM. TANGKAPAN	JUM. RAMPASAN	JUM.TUDUH DI MAHKAMAH	SEKSYEN TUDUHAN
JOHOR	-	-	-	-	-	-
KEDAH	7	RM 132,616.94	0	0	0	420 KK/4(1)AJK
KELANTAN	-	-	-	-	-	-
TERENGGANU	0	0	0	0	0	0
N. SEMBILAN	1	RM 3,598.00	1	1	1	420 KK
PAHANG	4	RM2,223.00	2	2	2	474/420/511KK
PERAK						
PERLIS						
PULAU PINANG	10	RM 47,141.00	4	87	3	420/474 KK
MELAKA	9	RM 87598.44	-	-	-	-
SELANGOR	42	RM 146,934.00	15	2	5	474/420 KK
KUALA LUMPUR	31	RM 121,328.96	48	66	13	420/474/467/511 KK
SABAH	3	RM 17,046.87	0	0	0	0
SARAWAK	6	RM 10,023.38	-	-	-	420 KK
JUMLAH	113		70	158	24	

STATISTIK KES KAD KREDIT BAGI TAHUN 2008

KONTINJEN	JUM. KES	JUM. KERUGIAN	JUM. TANGKAPAN	JUM. RAMPASAN	JUM.TUDUH DI MAHKAMAH	SEKSYEN TUDUHAN
JOHOR	36	RM 161,830.80	6	8	1 (reman)	511 / 403 / 419 / 420/ 408KK/4(a)AJK
KEDAH	10	RM 34,772.25	-	-	-	511 / 420 /403 KK
KELANTAN	-	-	-	-	-	-
TERENGGANU	1	RM 1,968.00	-	-	-	420 KK
N. SEMBILAN	8	RM 35,235.01	1	-	-	420 KK
PAHANG	3	RM 4,725.40	6	-	-	420 KK
PERAK	16	RM 47,685.29	3	-	1 (reman)	420 / 511 KK
PERLIS	1	RM 1,500.00	-	-	-	420 KK
PULAU PINANG	26	RM 434,886.29	16	88	-	420/511/408 KK
MELAKA	12	RM40,057.49	-	-	-	420 KK / 4(A)(1) AJK
SELANGOR	82	RM 593,645.29	28	-	2 (reman)	420 /511/ 408KK
KUALA LUMPUR	70	RM 683,656.20	44	5	16 (reman) 2 (Jamin Polis)	420 /511/ 408KK
SABAH	3	RM 12,125.69	3	-	-	420 KK / 4(A)(1) AJK
SARAWAK	11	RM 262,753.17	-	-	-	420/511/408KK
JUMLAH	279	RM 2,314,840.88	107 (orang)	101 (keping)	20 (reman) 2 (jamin polis)	


STATISTIK KES KAD KREDIT BAGI TAHUN 2009

KONTINJEN	JUM. KES	JUM. KERUGIAN	JUM. TANGKAPAN	JUM. RAMPASAN	JUM.TUDUH DI MAHKAMAH	SEKSYEN TUDUHAN
JOHOR	44	RM 397,718.80	8	-	7 (reman)	420/403/574KK
KEDAH	30	RM 254,528.21	1	-	-	420/403KK
KELANTAN	7	RM 43,768.64	3	-	-	420KK
TERENGGANU	7	RM 41,243.02	-	-	-	-
N. SEMBILAN	9	RM 109,033.63	-	-	-	420/403KK
PAHANG	7	RM 279,738.75	-	-	-	420/403KK
PERAK	30	RM 162,559.85	3	-	3 (reman)	420KK / 4AJK
PERLIS	4	RM 8,045.60	-	-	-	420KK
PULAU PINANG	40	RM 51,581.07	18	13	1 (reman)	420/403KK
MELAKA	31	RM 153,029.39	3	-	-	420/403 KK
SELANGOR	267	RM 1,733,028.40	35	64	2 (jamin polis) 5 (reman)	420/403KK/4AJK
KUALA LUMPUR	74	RM 1,173,709.55	81	21	45 (reman) 5(jamin polis)	420/403KK/4AJK
SABAH	10	RM 43,432.29	-	-	-	420KK/4AJK
SARAWAK	20	RM 210,981.54	1	-	-	420/403KK/4AJK
JUMLAH	580	RM 4,662,398.74	153	98 (keping)	61 (reman) 7 (jamin polis)	

PROSES PENGELUARAN KAD KREDIT

Soalan Tambahan

Soalan Soalan (Silalahdikan mana mana yang berkenan)



Sumber: Micheal J. Auriema & Robert S. Coley

“BANKCARD BUSINESS”, Washinton 1992

Soalan Temubual

Soalan Soalan (Sila tandakan mana mana yang berkenaan)

1. Nama Anda :

2. Umur Linkungan :

18 – 25 ()

25 – 40 ()

40 – 55 ()

55 dan ke-atas ()

3. Pendapatan Bulanan

RM 1000 dan kebawah ()

RM 1000 – RM 2500 ()

RM 2501 – RM 4001 ()

RM 4001 – RM 5001 ()

RM 5001 dan ke atas ()

4. Adakah anda seorang pemegang kad kredit ?

Ya ()

Tidak ()

5. Apakah jenis kad kredit yang anda mempunyai?

Visa ()

Mastercard ()

American Express ()

Diners Club ()

Lain Lain Nyatakan : _____

6. Apakah kadar penggunaan kad kredit anda untuk sebulan?

RM 1000 dan kebawah ()

RM 1000 – RM 2500 ()

RM 2501 – RM 4001 ()

RM 4001 – RM 5001 ()

RM 5001 dan ke atas ()

7. Apakah tujuan penggunaan lazim kad kredit anda?

Pembelian secara dalam talian()

Pembayaran Bil ()

Pembelian barangan keperluan()

Urusan Perbankan ()

Lain Lain Nyatakan: _____

8 Adakah anda mengetahui tentang Penipuan Kad Kredit?

Ya ()

Tidak ()

8. Pernahkah anda menjadi seorang mangsa penipuan kad kredit?

Ya ()

Tidak ()

9. Jika ya, terangkan bagaimana dan jumlah kerugian.

10. Tahukah anda cara cara untuk menyimpan dan melaporkan penipuan kad kredit?

Ya ()

Tidak ()

11. Pernahkah rakan atau kawan anda menjadi mangsa penipuan kad kredit?

Ya ()

Tidak ()

12. Pada Pengetahuan anda, adakah undang undang di Malaysia tentang Penipuan Kad Kredit adalah wajar dan setimpal?

Ya ()

Tidak ()

13. Apakah saranan atau cadangan tentang undang undang berkenaan Penipuan Kad Kredit?
